

"WAHA! orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan, kuatkanlah kesabaran kamu dalam menghadapi orang-orang kafir dan bersiap sedia dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu serta bertakwalah kepada Allah, supaya kamu berjaya mencapai kemenangan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, ayat 200.

KEBAWAH DYMM MENERIMA KUNJUNGAN YDP AGONG MALAYSIA

■ Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

KUALA LUMPUR, Khamis, 29 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pagi ini menerima

kunjungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim.

Kunjungan tersebut diadakan di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur.

Kebawah DYMM, Kebawah DYMM Raja Isteri menerima kunjungan

KUALA LUMPUR, Rabu, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima kunjungan

daripada Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan isteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, pagi tadi.

Doa dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. Lawatan tersebut diadakan di Institut Jantung Negara, Kuala Lumpur.

Majlis Doa Kesyukuran sempena HUT ABDB Ke-64



■ Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Jumaat, 30 Mei. - Semua surau Kementerian Pertahanan termasuk Masjid Pulau Baru-Baru lewat petang tadi mengadakan Majlis Doa Kesyukuran khusus bagi memperingati Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-64 dengan tumpuan majlis di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, Berakas, di sini.

>> Muka 3

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran khusus bagi memperingati Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-64. - Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid.

KHEU adakan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah senegara

■ Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 30 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama mengadakan Sembahyang Sunat Hajat

Berjemaah dan seterusnya Bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan hari ini iaitu sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan berkenaan diadakan di masjid-masjid, surau-sarau dan balai-balai

ibadat seluruh negara.

Inisiatif tersebut adalah berkesinambungan dengan pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan selepas Sembahyang Fardu Maghrib setiap hari.

>> Muka 4

Tangani, mencegah penggunaan tembakau, nikotin di NBD

■ Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 31 Mei. - Penggunaan tembakau adalah satu epidemik yang mengancam kesihatan awam terbesar termasuk dalam kalangan golongan remaja, di mana dianggarkan terdapat 37 juta kanak-kanak berusia 13 hingga 15 tahun di seluruh dunia menggunakan tembakau.

Kadar penggunaan rokok elektronik dalam kalangan golongan muda pula adalah lebih tinggi berbanding orang dewasa di kebanyakan negara. Dalam beberapa dekad ini, industri tembakau dengan sengaja menggunakan pelbagai taktik yang strategik dan agresif untuk menarik orang ramai untuk ketagih kepada

tembakau dan nikotin.

Kanak-kanak dan para remaja dijadikan sasaran oleh industri tembakau dengan menggunakan taktik pengiklanan dan kandungan pemasaran yang sengaja dihasilkan untuk generasi muda bagi mendapatkan pengguna tembakau dan nikotin yang baharu.

>> Muka 6



Berita Utama



PELANCARAN Ekspo Usahawan MPK Kilanas 2025

Muka 12



TINGKATKAN motivasi pelajar hadapi peperiksaan

Muka 18



PPNBD adakan Solat Sunat Hajat, membaca Surah Yaa Siin

Muka 25



ABDB tonggak pertahanan negara

Muka 29

JUMLAH PERDAGANGAN MAC 2025 CATAT BND2,015 JUTA

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Jumlah perdagangan bagi Mac 2025 meningkat sebanyak 12.3 peratus kepada BND2,015 juta, berbanding Februari 2025. Ini adalah disumbangkan oleh peningkatan nilai eksport sebanyak 11.1 peratus, berjumlah BND1,255 juta dan juga peningkatan pada import sebanyak 14.4 peratus, berjumlah BND760 juta. Penyumbang utama kepada

nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 77.5 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 20.3 peratus dan jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 1.1 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Republik Rakyat China sebanyak 20 peratus, diikuti oleh Australia dan Jepun, masing-masing sebanyak 15.4 peratus dan 14.2 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah bahan api galian dan bahan kimia.


Manakala, import pada Mac 2025 bernilai BND760 juta. Tiga komoditi import utama adalah bahan api galian, menyumbang sebanyak 67.5 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 9.4 peratus, dan makanan sebanyak 8.4 peratus.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 27.3 peratus, diikuti oleh Nigeria sebanyak 14 peratus, dan Papua New Guinea sebanyak 9 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian, makanan dan juga bahan kimia.


Berbanding Februari 2025, imbalan perdagangan

**PERANGKAAAN PERDAGANGAN BARANGAN ANTARABANGSA
MAC 2025**

BND Juta



Taburan Eksport Mengikut Rakan Dagangan



Import Utama Mengikut Komoditi



meningkat sebanyak 6.3 peratus pada Mac 2025, terutamanya disebabkan oleh peningkatan eksport sebanyak 11.1 peratus.

Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk pemrosesan barangan perantaraan sebanyak 59.5 peratus, diikuti oleh barangan modal bagi operasi perniagaan

sebanyak 36.9 peratus, dan barangan penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 3.6 peratus.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi Mac 2025 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di <https://deps.mofe.gov.bn>.

WAKTU SEMBAHYANG

MEI MASIHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
31	SABTU	3	4.32	4.42	6.06	6.30	12.19	3.44	6.29	7.44
1 JUN	AHAD	4	4.32	4.42	6.07	6.30	12.19	3.44	6.30	7.45
2	ISNIN	5	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.44	6.30	7.45
3	SELASA	6	4.33	4.43	6.07	6.31	12.19	3.45	6.30	7.45
4	RABU	7	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.30	7.46
5	KHAMIS	8	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.31	7.46
6	JUMAAT	9	4.33	4.43	6.07	6.31	12.20	3.45	6.31	7.46

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	33 24 °C 	33 26 °C 	33 26 °C 
Pekan Bangar	32 25 °C 	33 26 °C 	33 26 °C 
Pekan Tutong	33 25 °C 	32 26 °C 	33 26 °C 
Kuala Belait	33 26 °C 	32 25 °C 	31 25 °C 

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG

31 MEI 2025

Unit keluarga yang kukuh menyumbang kepada masyarakat harmoni

DALAM Islam, institusi keluarga memegang kedudukan sangat penting dan dianggap sebagai tonggak masyarakat. Ia memainkan peranan penting dalam memupuk nilai moral yang kukuh dan membimbing seseorang itu ke arah kehidupan yang baik. Islam mengiktiraf institusi keluarga sebagai asas pembinaan masyarakat. Ikatan kekeluargaan seperti di antara suami dan isteri, ibu bapa dan anak-anak dilihat sebagai asas di mana sebuah keluarga yang kukuh dibina. Melalui ikatan inilah anak-anak dibesarkan dengan penuh kasih sayang, penjagaan dan rasa tanggungjawab.

Dalam sebuah keluarga, ibu bapa diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menyampaikan pendidikan agama dan moral kepada anak-anak mereka. Mereka digalakkan untuk memimpin melalui teladan, menunjukkan kejujuran, integriti dan kebaikan. Melalui bimbingan yang betul, kanak-kanak mengembangkan rasa etika dan nilai yang kuat. Islam juga menekankan kepentingan perpaduan dan sokongan dalam keluarga. Ahli keluarga digalakkan untuk memberi sokongan sesama sendiri semasa suka dan duka dan memberikan bantuan. Perpaduan ini mengeratkan ikatan kekeluargaan dan memupuk semangat kekitaan dan keselamatan. Unit keluarga yang kukuh dan bersatu padu menyumbang kepada komuniti yang sihat dan harmoni. Apabila keluarga dibina di atas nilai-nilai Islam, mereka menjadi asas kepada masyarakat yang menegakkan keadilan, mempunyai rasa belas kasihan kepada orang di sekeliling dan saling hormat-menghormati.

Dalam usaha meningkatkan kesejahteraan institusi kekeluargaan di negara ini, Negara Brunei Darussalam mengisytiharkan hari Ahad minggu pertama dalam bulan Mei setiap tahun sebagai Hari Keluarga Kebangsaan. Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan merupakan satu wadah untuk menyatukan usaha secara Whole of Nation dalam menyampaikan mesej mengenai kepentingan keharmonian keluarga dan penguatan institusi keluarga untuk mengatasi segala cabaran, terutama sekali dalam perpaduan masyarakat dan pembangunan negara.

Dalam pembentukan keluarga harmoni, ibu bapa memainkan peranan yang paling utama. Mereka bertanggungjawab dalam memudik dan menyediakan keperluan anak-anak dan memastikan keperluan tersebut bersumberkan rezeki yang halal. Peranan seorang anak juga tidak kurang pentingnya dalam membentuk sesebuah keluarga yang harmoni. Setiap anak diwajibkan taat, menghormati dan memuliakan ibu bapa. Mereka juga wajib mematuhi segala perintah dan nasihat ibu bapa selagi mana tidak bertentangan dengan syarak. Sesungguhnya hubungan sebuah keluarga itu bergantung kepada ikatan mesra dan kasih sayang antara ahli-ahlinya. Ini menjadi tunjang utama bagi mencapai kebahagiaan dan keharmonian hidup. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: Daripada Jabir bin Abdullah Radiallahuanhu katanya : Bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : "Barang siapa tidak menyayangi manusia, Allah tidak akan menyayangnya". - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن فردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MAJLIS DOA KESYUKURAN SEMPENA HUT ABDB KE-64



>> Muka 1

Majlis Doa Kesyukuran di Surau Ad-Difa' disemarakkan dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Muhammad Haszaimi bin Bol Hassan; dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigedier Jeneral (B) Dato Seri

Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin.

Atur cara majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari Surah Ali 'Imran, ayat 121 hingga 127, yang dibacakan oleh Soldadu Mohammad Fahmi 'Izuddin bin Mudim Awang Haji Tamin dari Batalion Ketiga Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB), wakil qari ABDB bagi Pertandingan Musabaqah Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa bagi Anggota Tentera Kali Ke-9 dan Ke-10 pada tahun 2022 dan 2025 di Mekah Al-Mukarramah, Kerajaan Arab Saudi serta Pertandingan Tilawah Al-Quran Kebangsaan bagi Tahun 1446 Hijrah/2025 Masihi yang telah berlangsung pada 11 Februari

2025 yang lalu di Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh Pemangku Pengarah Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT), Leftenan Kolonel Abdul Mujib bin Haji Japar, yang kemudiannya mengimamkan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah bagi memohon kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan juga

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Mohammad Hasif Matzin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan berangkat ke Majlis Doa Kesyukuran khusus bagi memperingati Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang Ke-64 (atas dan atas kiri).

memohon doa agar ABDB sentiasa mendapat petunjuk dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya.

Majlis kemudiannya disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Khas Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64, sebelum diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

DYTM kemudiannya berkenan berangkat ke Mes Pegawai, Bolkiah Garison bagi sesi foto kenangan, diikuti dengan Majlis Santap sebelum majlis berakhir.

Turut hadir, para jemputan khas yang terdiri daripada mantan-mantan Timbalan Menteri Pertahanan dan Pemerintah

ABDB, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Jawatankuasa Eksekutif ABDB, Komandan - komandan, pengarah - pengarah dan pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan.

Majlis Doa Kesyukuran tersebut diadakan dengan tujuan untuk memohon keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar ABDB sentiasa dikurniakan kekuatan dan kejayaan dalam melaksanakan visi dan misinya.

Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64 ini bertemakan 'Bersama Bersatu Mencapai Cita Negara', dijadualkan akan berlangsung pada 31 Mei 2025, bertempat di Pangkalan Tentera Laut Diraja Brunei, Muara.



SEKITAR Majlis Doa Kesyukuran bagi memperingati Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-64 yang diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison, Berakas (atas dan bawah).



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat ke Majlis Santap (atas), manakala gambar bawah tengah dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

KHEU ADAKAN SEMBAHYANG SUNAT HAJAT BERJEMAAH SENEgara



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyertai jemaah pada Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan seterusnya Bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas dan kiri). Manakala gambar-gambar di bawah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah turut diadakan di Daerah Tutong.

Oleh : Nurhamiza Haji Roslan

Foto : Mohammad Hasif Matzin, Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Oleh yang demikian, orang ramai dialu-alukan dan digalakkan hadir lebih awal ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat seluruh negara untuk sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan seterusnya merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam dan raja yang dikasihi; Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam limpah rahmat-Nya dan dikurniakan dengan nikmat kesihatan, keafiatan, kesejahteraan dan kebahagiaan yang berpanjangan.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, tumpuan utama bagi mengadakan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan seterusnya Bacaan

Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan ialah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong. Hadir menyertai para jemaah ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Penguasa Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Haji Haris bin Haji Suboh yang juga kemudian mengepalai bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan.

Di Daerah Tutong pula, tumpuan utama ialah di Masjid Hassanil Bolkiah, Pekan Tutong. Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid di bawah skim latihan Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman. Beliau juga kemudian mengepalai bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan.

Bagi Daerah Belait, tumpuan utama ialah Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, Daerah Belait. Sembahyang Sunat Hajat

Berjemaah diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid di bawah skim latihan SkiPPA, Muhammad Nazhiim Mustaqim bin Zaini. Beliau juga kemudian mengepalai bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan.

Tumpuan utama bagi Daerah Temburong ialah Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar. Mengepalai Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah dan Bacaan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid, Mohd. Syahmi bin Haji Zaini.



NBD berada dalam peralihan ke Monsun Barat Daya

Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan beralih daripada fasa peralihan monsun ke Monsun Barat Daya yang dijangka bermula pada Jun 2025.

Pada lazimnya, Monsun Barat Daya akan berterusan sehingga September.

Semasa Monsun Barat Daya, keadaan atmosfera di negara kita pada kebiasaannya menjadi lebih stabil dengan kejadian ribut petir berkurangan berbanding semasa monsun peralihan.

Keadaan angin secara amnya akan bertiup dari arah Barat Daya semasa tempoh berkenaan.

Monsun Barat Daya juga dikaitkan dengan musim pembentukan sistem ribut tropika dan taufan yang aktif di kawasan Barat Laut Lautan Pasifik dan Laut China Selatan. Walaupun sistem-sistem berkenaan biasanya terbentuk jauh dari kawasan negara kita, jarak serta tahap intensitinya masih berpotensi mempengaruhi

keadaan cuaca tempatan.

Kesan pengaruh sistem ribut tropika atau taufan yang berada berhampiran rantau kita boleh menyebabkan pembentukan garisan badai (*squall line*), iaitu barisan ribut petir yang bergerak pantas dalam formasi panjang.

Kejadian berkenaan boleh membawa cuaca tidak menentu, termasuk kejadian angin kencang berserta ribut petir sekali-sekala.

Merujuk kepada rekod klimatologi kami, jumlah turunan hujan normal yang direkodkan di Stesen Pencerapan Cuaca di Lapangan Terbang

Antarabangsa Brunei bagi Jun, Julai dan Ogos adalah 237.7 milimeter (mm), 241.8 mm, dan 235.1 mm.

Berpanduan kepada beberapa model iklim antarabangsa, ramalan turunan hujan bulanan bagi NBD dijangka berada dalam lingkungan normal (190-290 mm) bagi Jun dan Julai 2025, manakala turunan hujan yang sedikit melebihi paras normal (270-320 mm) dijangka bagi Ogos 2025. Manakala, jumlah hari-hari berhujan normal bagi Jun, Julai dan Ogos adalah sekitar 17 hari setiap bulan.

Jabatan Kajicuaca Brunei

Darussalam (BDMD) akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa, dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu. Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit BDMD, iaitu Brunei WX, kerana, maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperolehi dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook [@bruneiweather](https://www.facebook.com/bruneiweather), Instagram [@brunei.weather](https://www.instagram.com/brunei.weather) dan saluran Telegram [Brunei Weather](https://www.telegram.com/BruneiWeather).

SEMBAHYANG SUNAT HAJAT BAGI KESIHATAN, KESEJAHTERAAN KEBAWAH DYMM



TURUT hadir bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Khas secara Berjemaah ialah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

KIARONG, Rabu, 28 Mei. – Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengadakan inisiatif-inisiatif keagamaan iaitu Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah pada hari ini yang diadakan di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong sebagaimana merujuk kepada Siaran Akhbar Jabatan Perdana Menteri yang bertarikh 27 Mei 2025.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat Khas yang diimamkan oleh Imam Tingkat III Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Yang Dimuliakan Begawan Pehin

Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Seterusnya, bacaan Doa Khas oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Turut hadir bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hajat Khas secara Berjemaah ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II,

Yang Berhormat Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Juga hadir, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Majlis tersebut turut disertai oleh para pegawai dan kakitangan kerajaan, sebahagian anggota pasukan keselamatan dan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



pertahanan serta orang ramai.

Sebagai kesinambungan bagi inisiatif keagamaan ini, KHEU akan meneruskan pelaksanaan Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah di semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara setiap hari bermula hari ini, iaitu selepas menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan pada Jumaat, sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

Dalam pada itu, seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam dialu-alukan untuk mengadakan menunaikan

Sembahyang Sunat Hajat, sambil sama-sama merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanil Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa berada dalam lindungan-Nya dan dianugerahkan kesihatan, kekuatan serta perlindungan yang berterusan dalam memimpin negara ke arah kesejahteraan dan keberkatan yang berpanjangan.

Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza terima sumbangan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerima sumbangan daripada Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSWNBD) bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 (atas), manakala gambar kiri, turut hadir, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad telah menerima sumbangan daripada Persatuan Siswazah Wanita Negara Brunei Darussalam (PSWNBD) bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023. Majlis penyerahan diadakan di bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) petang tadi.

Sumbangan derma berjumlah BND15,830 disampaikan oleh Yang Dipertua PSWNBD, Hajah Dayang Hassanah binti Haji Awang Hassan.

Sumbangan berkenaan

merupakan hasil kutipan daripada Ahli-ahli PSWNBD serta para jemputan dan juga hasil jualan bunga-bunga ros semasa Majlis Malam Amal bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, yang diadakan pada 1 Disember 2023.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma berkenaan, Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis dan ahli-ahli persatuan berkenaan.

Tempoh kutipan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 telah dilanjutkan selama enam bulan lagi, iaitu sehingga 18 Oktober 2025 bagi

memberi peluang kepada orang ramai untuk meneruskan aktiviti-aktiviti amal dan sumbangan derma kepada rakyat Palestin di Gaza.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengadakan kutipan derma bagi tabung berkenaan hendaklah memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) selaku Urus Setia Jawatankuasa Kebangsaan Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023, jika hasil kutipan bersih (100 peratus) disumbangkan kepada tabung berkenaan.

Jika ada individu, persatuan dan agensi lain yang berdaftar ingin menderma sebahagian

sahaja daripada hasil kutipan bersih yang diperoleh daripada mengadakan aktiviti-aktiviti yang berbentuk hiburan awam, adalah disarankan untuk memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selain itu, orang ramai yang berhasrat untuk memberikan sumbangan juga boleh menderma secara dalam talian melalui akaun Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), nombor akaun 00-001-01-0089051 (Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023) atau melalui perkhidmatan BIBD QuickPay dengan mengimbas Kod QR yang boleh didapati di poster-poster dan

pelekat-pelekat (*sticker*) Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023.

Peti-peti tabung juga disediakan di masjid-masjid, surau-surau dan balai ibadat, bangunan bank-bank, gedung-gedung perniagaan dan bangunan-bangunan awam di seluruh negara. Di samping itu, orang ramai juga boleh menghantar derma terus kepada Urus Setia Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran, Tingkat 2, JAPEM, bangunan KKBS, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat.

TANGANI, MENCEGAH PENGGUNAAN TEMBAKAU, NIKOTIN DI NBD

Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali
Infografik : Kementerian Kesihatan

>> Muka 1

Perkara ini dinyatakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2025 dengan tema 'Mendedahkan Daya Tarik Taktik Industri Terhadap Produk Tembakau Dan Nikotin' (Unmasking The Appeal : Exposing Industry Tactics On Tobacco And Nicotine Products).

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa tema tahun ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang pengaruh berbahaya industri tembakau terhadap kanak-kanak dan remaja.

Pelbagai teknik manipulasi yang digunakan oleh industri berkenaan untuk mengembangkan pasaran mereka dan menarik generasi muda ini kepada produk mereka, khususnya dari segi inovasi reka bentuk produk yang bergaya atau berbentuk mainan, perisa produk yang menarik golongan tersebut, pembungkusan yang berwarna-warni berserta slogan pengiklanan dan penggunaan imej yang disasarkan kepada kanak-kanak.

Kongsi Yang Berhormat, laporan daripada Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa sebanyak 16,000 pelbagai perisa merupakan faktor utama yang mendorong penggunaan produk nikotin dan tembakau dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

"Manakala peningkatan penempatan produk (*product placement*) tembakau dan nikotin secara strategik di media-media popular seperti di dalam filem, rancangan TV, video muzik bukanlah satu kebetulan. Ia berperanan untuk menormalkan dan mempopularkan produk-produk tersebut dalam kalangan generasi muda bagi menarik perhatian mereka dan seterusnya meningkatkan keinginan mereka untuk mencuba.

"Selain itu, industri tembakau dan berkaitan juga menaja pengaruh (*influencer*) media sosial yang popular dan mempunyai pengikut yang ramai di media sosial bagi mempromosikan

produk-produk mereka, seterusnya mempengaruhi pengikut-pengikut mereka untuk membeli produk berkenaan.

"Kajian daripada WHO telah membuktikan bahawa kandungan pemasaran yang mempromosikan rokok elektronik, *nicotin pouch* dan produk tembakau yang dipanaskan (*Heated tobacco product*) telah ditonton lebih daripada 3.4 bilion kali di platform media sosial," tambah Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat seterusnya berkata peningkatan platform media sosial dan pemasaran digital, membolehkan lagi industri tersebut untuk menembus pasaran yang lebih luas untuk ditujukan kepada kumpulan sasaran yang lebih tepat.

Dari segi polisi dan undang-undang jelas Yang Berhormat, industri tembakau sering kali menentang dasar kawalan tembakau dan langkah-langkah berasaskan bukti (*evidence-based*), seperti peningkatan cukai eksais dan larangan menyeluruh pengiklanan, promosi dan penajaan tembakau. Sesetengah kerajaan juga telah diancam oleh industri berkenaan dengan tindakan undang-undang.

"Alhamdulillah, sejauh ini, perkara tersebut tidak berlaku di Negara Brunei Darussalam (NBD). Menurut Global Center for Good Governance in Tobacco Control (GGTC), semenjak tahun 2021, negara kita secara berterusan telah mendahului dari segi negara yang menerima gangguan paling sedikit dari industri tembakau.

"Oleh yang demikian, negara kita adalah salah satu negara berprestasi terbaik dalam melaksanakan Artikel 5.3 di bawah WHO Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC) dengan berkesan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan : 8 / 2019 yang menegahkan penglibatan penjawat awam dengan industri tembakau," jelas Yang Berhormat lagi.

Selain itu, kongsi Yang Berhormat, NBD mempunyai Perintah Tembakau 2005 yang memperuntukkan dalam Bab 9(1) bahawa membekalkan produk tembakau kepada individu di bawah umur 18 tahun adalah suatu kesalahan.

Manakala Bab 10(1) pula memperuntukkan bahawa individu di bawah umur 18 tahun yang merokok atau memiliki produk tembakau di kawasan awam termasuk kawasan sekolah atau kompleks perniagaan juga boleh didakwa di bawah akta tersebut.

"Walaupun bagaimanapun, kita tidak seharusnya leka kerana negara kita tidak terlepas daripada menjadi sasaran penjualan produk-produk tembakau dan nikotin seperti rokok dan rokok elektronik.

"Walaupun negara kita tidak mempunyai pengedar produk tembakau yang berlesen dan penjualan rokok elektronik adalah ditegah, kita masih boleh melihat penggunaan produk-produk tersebut di negara ini, termasuklah dalam kalangan remaja," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, hasil dapatan dari Kaji Selidik Global School Health Survey (GSHS) 2019 menunjukkan 9.8 peratus remaja yang berumur 13-17 tahun adalah perokok, iaitu 15.4 peratus dalam kalangan remaja lelaki dan 4.3 peratus dalam kalangan remaja perempuan.

Pengguna rokok elektronik dalam kalangan remaja yang berumur 13-15 tahun pula adalah sebanyak 13.3 peratus, yang mana 19.0 peratus adalah dalam kalangan remaja lelaki dan 7.1 peratus adalah dalam kalangan remaja perempuan.

Perkara ini tambah Yang Berhormat amat membimbangkan kerana nikotin dari produk-produk ini boleh memberi kesan buruk kepada perkembangan otak kanak-kanak dan remaja, seterusnya boleh mempengaruhi fungsi emosi dan kognitif mereka serta meningkatkan risiko ketagihan terhadap tembakau, nikotin dan bahan ketagihan lain.

Terang Yang Berhormat lagi, individu yang terdedah kepada nikotin pada usia muda adalah lebih cenderung untuk mengalami ketagihan nikotin yang teruk dan akan sukar untuk berhenti. Selain itu, kajian juga mendapati bahawa pendedahan kepada nikotin semasa kanak-kanak dan remaja telah dikaitkan dengan gangguan emosi seperti kemurungan dan sebagainya.

"Justeru, Kementerian Kesihatan menggesa generasi muda di negara ini



untuk menentang pengaruh industri-industri tersebut dan memperjuangkan masa depan mereka bebas daripada tembakau dan nikotin. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 tafsirnya : "Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan".

"Sehubungan itu juga, Kementerian Kesihatan memohon kerjasama dan penglibatan serta kerjasama ibu bapa, keluarga atau penjaga; atau kompleks perniagaan; badan-badan bukan kerajaan; serta masyarakat awam secara umumnya, dalam sama-sama menangani dan mencegah penggunaan tembakau dan nikotin di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Kongsi Yang Berhormat, bagi yang ingin berhenti merokok, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia melalui Kementerian Kesihatan telah menyediakan perkhidmatan Klinik

Berhenti Merokok (KBM) di Pusat-pusat Kesihatan di setiap daerah bagi memberikan khidmat kaunseling serta bantuan farmakoterapi seperti alat gantian nikotin kepada yang memerlukan.

"Bagi yang berjaya berhenti, insyaaAllah, pembaikan kepada kesihatan akan dapat dilihat dan dirasakan, serta risiko penyakit-penyakit yang berkaitan dengannya juga akan menurun.

"Dalam kesempatan ini, sempena Sambutan Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2025, Kementerian Kesihatan amat mengalu-alukan kerjasama dan sokongan dari semua pihak untuk sama-sama memperkasa generasi muda di negara ini untuk berganding bahu dalam menentang industri tembakau daripada terpedaya dengan tipu helah mereka dan seterusnya sama-sama berusaha menjadikan NBD kita bebas tembakau dan nikotin demi generasi masa depan yang lebih sihat," tekan Yang Berhormat Menteri Kesihatan mengakhiri perutusan.

Memperkukuh kerjasama dalam pembangunan bandar pintar

REPUBLIK KOREA, Jumaat, 30 Mei. - Dalam langkah penting ke arah memperkukuhkan kerjasama dalam transformasi digital, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Republik Korea telah memperbaharui dan menegaskan visi bersama mereka melalui penandatanganan dan pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang Pembangunan Bandar Pintar.

Majlis penandatanganan telah berlangsung semasa Forum Sistem Pengangkutan Pintar (Intelligent Transport Systems - ITS) Asia-Pasifik Suwon 2025, yang diadakan dari 28 hingga 30 Mei 2025 di Suwon, Republik Korea.

Acara ini menyerlahkan hubungan dua hala yang semakin erat antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Korea serta aspirasi bersama mereka untuk memajukan pembangunan bandar berasaskan teknologi yang inklusif di rantau ini.

Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha telah menghadiri Majlis Pembukaan Forum ITS Asia-Pasifik Suwon 2025 dan

YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai kerjasama dalam bidang Pembangunan Bandar Pintar.

juga menyertai Sesi Meja Bulat Peringkat Tinggi yang menghimpunkan Menteri-menteri, Timbalan Menteri serta wakil-wakil kanan dari kira-kira 20 buah negara untuk berkongsi perkembangan ITS di negara masing-masing dan menjalankan dialog strategik.

Dalam sesi tersebut, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi telah mengongsikan pandangan mengenai bagaimana NBD sedang memanfaatkan penggunaan teknologi digital dalam sektor pengangkutan. Ini termasuk pembangunan yang sedang berjalan di mana Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), melalui Jabatan Pengangkutan Darat, akan mengeluarkan Permintaan untuk Maklumat (Request for Information - RFI) mengenai penyediaan Sistem Pengangkutan Pintar, satu projek di bawah Rancangan Pembangunan Negara Ke-12 yang bertujuan untuk membaiki pulih sistem pengangkutan awam di NBD. RFI ini dijangka akan



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

melengkapi Permintaan untuk Cadangan (Request for Proposal - RFP) oleh Jabatan Pengangkutan Darat mengenai Penyediaan, Operasi, Pengurusan dan Penyelenggaraan Perkhidmatan Pengangkutan Awam di NBD. Projek tersebut kini berada di peringkat penilaian penganugerahan.

MoU tersebut telah ditandatangani oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, bagi pihak Kerajaan

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dan Menteri Tanah, Infrastruktur dan Pengangkutan, Tuan Yang Terutama Park Sangwoo bagi pihak Kerajaan Republik Korea.

MoU yang diperbaharui ini menegaskan semula komitmen kedua-dua negara untuk memperkukuh kerjasama dalam pembangunan bandar pintar, khususnya melalui perkongsian

pengetahuan, teknologi dan kepakaran. Ia menyokong pelaksanaan inisiatif-inisiatif berimpak tinggi yang akan meningkatkan kualiti hidup rakyat dan merangsang pertumbuhan ekonomi yang mampan. Kerjasama ini sejajar dengan kerangka strategik Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-Republik Korea dan mencerminkan keutamaan pembangunan negara kedua-dua pihak.

Perkongsian strategik ini menandakan babak baharu dalam hubungan kerjasama antara NBD dan Republik Korea, yang membentuk asas kukuh bagi kedua-dua negara untuk meneroka inovasi dan mempercepat agenda transformasi digital mereka melalui penglibatan yang berfokus dan berorientasikan hasil.

Mengiringi Yang Berhormat semasa majlis penandatanganan tersebut ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak NBD ke Republik Korea, Puan Yang Terutama Pengiran Hajah Nooriyah binti Pengiran Lela Wijaya Pengiran Haji Yussof; Setiausaha Tetap MTIC, Awang Ir. Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof serta pegawai-pegawai kanan dari MTIC dan Kedutaan NBD di Seoul.

MEWUJUDKAN TENAGA KERJA MARITIM TEMPATAN BERDAYA TAHAN, BERKEMAHIRAN



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penganugerahan Biasiswa berkenaan.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Sebagai sebuah syarikat yang dipertanggungjawabkan dengan perkhidmatan pemanduan dan penundaan di Negara Brunei Darussalam (NBD), Darussalam Pilotage Services Sdn. Bhd. (DPS) menyedari bahawa kejayaan jangka panjang bukan sahaja bergantung kepada infrastruktur dan kapal tetapi juga kepada kualiti tenaga kerja mereka.

Melalui inisiatif biasiswa pembelajaran di Akademi Laut Malaysia (ALAM), ia dihasratkan membentuk rakyat NBD menjadi jurumudi laut bertaraf dunia, yang bersedia memenuhi piawaian antarabangsa sambil mengekalkan nilai-nilai kebangsaan.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penganugerahan Biasiswa yang diadakan di Goldstone Ballroom, Centrepont Hotel, di sini.

Berucap selaku Pengerusi Lembaga Pengarah DPS, Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Khairuddin menambah, program tersebut mencerminkan keselarasan mereka dengan aspirasi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk membangunkan

industri maritim yang selamat, cekap dan lestari - sebuah industri yang memainkan peranan penting dalam menyokong usaha kepelbagaian ekonomi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035.

"Dengan peningkatan jumlah trafik kapal di perairan kita serta jangkaan peluasan infrastruktur pelabuhan dan maritim, permintaan terhadap kepakaran tempatan dalam bidang maritim dijangka akan terus meningkat. DPS berbangga menjadi sebahagian daripada perjalanan ini - satu usaha yang bukan sahaja memenuhi keperluan operasi, tetapi juga mewujudkan laluan kerjaya yang bermakna untuk belia Brunei," ujarnya lagi.

Tambahnya, para kadet yang diraikan hari ini bukan sekadar penerima biasiswa, kerana mereka adalah profesional masa depan

yang akan memimpin industri maritim negara kita.

Beliau seterusnya menyeru agar setiap daripada mereka untuk merebut peluang ini sepenuhnya - dengan semangat, disiplin dan integriti.

Jalan yang akan ditempuh mungkin mencabar, namun mereka membawa bersama harapan keluarga dan rakan-rakan mereka, ujarnya.

Pada majlis tersebut, seramai sembilan orang kadet telah menerima anugerah biasiswa untuk belajar di Akademi Laut Malaysia (ALAM) sebagai persediaan untuk menjadi pilot maritim.

Para kadet akan menyertai program Diploma dalam Pengajian Nautika di ALAM selama tiga tahun, sebelum mereka pulang ke NBD untuk berkhidmat sebagai pilot maritim profesional.

Program biasiswa yang dianugerahkan oleh DPS tersebut, merupakan pengambilan kedua dan ia mengukuhkan komitmen DPS untuk membina tenaga kerja maritim tempatan yang berdaya tahan dan berkemahiran di NBD.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Urusan DPS, Awang Nor Ariffin bin Haji Md. Ali, dalam ucapannya antara lain berkata, daripada lebih 180 pemohon, 11 calon terbaik yang memenuhi kriteria kelayakan telah disenarai pendek dan menjalani beberapa peringkat proses pemilihan yang merangkumi penilaian melalui pembentangan individu, penyelesaian masalah serta kepimpinan dan kerja berpasukan, diikuti dengan temu duga akhir.

Proses tersebut jelasnya, bukan sekadar menilai kemahiran mereka, tetapi juga bertujuan untuk mengenal pasti individu yang memiliki ciri-ciri kepimpinan yang sesuai untuk menjadi jurumudi laut serta keupayaan untuk bekerjasama secara berkesan dengan rakan-rakan mereka.

Hari ini tekannya, mereka berasa amat bangga untuk menganugerahkan biasiswa ini kepada sembilan individu cemerlang yang telah berjaya menamatkan proses pemilihan.

Para penerima berkenaan katanya, akan memulakan perjalanan latihan selama tiga tahun empat bulan di ALAM, sebelum menyertai DPS sebagai Jurumudi Pelatih, di mana mereka akan menjalani latihan lanjut sebelum layak sebagai jurumudi laut bertauliah.

Melalui program biasiswa itu jelasnya lagi, objektif mereka adalah untuk melahirkan sekurang-kurangnya 20 hingga 25 jurumudi laut tempatan menjelang tahun 2029, yang mana merupakan bukti komitmen teguh mereka dalam memupuk bakat tempatan dan memperkasakan industri maritim Brunei.

Turut hadir, Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), Kapten (B) Zil Husam bin Haji Abdul Rahman; dan Ketua Eksekutif ALAM, Ts. Dr. Kapten Manivannan Subramaniam; bersama Ahli-ahli Lembaga Pengarah DPS, pegawai-pegawai kanan kerajaan; Pemangku Pengarah Urusan dan penerima-penerima biasiswa serta ahli-ahli keluarga.

Hello Kawan 2025 : Peluang mencipta pengalaman baharu di Malaysia

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RB) dengan kerjasama Tourism Malaysia petang tadi melancarkan kempen 'Hello Kawan 2025' bagi mempromosi pakej percutian menarik ke Kuala Lumpur (KL), Kuching dan Kota Kinabalu (KK).

Hadir bagi melancarkan kempen 'Hello Kawan 2025' yang berlangsung di RB Campus, di sini, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini bin Atan; dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid.

Kempen berkenaan akan bermula dari 1 Jun hingga 31 Ogos 2025, dengan matlamat untuk memberi inspirasi kepada para pelancong dari NBD untuk mencipta pengalaman baharu di Malaysia.

Dengan promosi tambang eksklusif berkumpulan, hadiah menarik dan jaringan penerbangan yang diperluas, 'Hello Kawan 2025' terus menyerlahkan semangat persahabatan dan pengembaraan bersama yang menjadi nadi pelancongan serantau.

Kempen tahun ini memperkenalkan semula Arbi,

iaitu maskot mesra RB, bersama maskot ceria Tahun Melawat Malaysia 2026, iaitu Wira dan Manja, yang menghidupkan kehangatan dan kerianan melancong secara berkumpulan.

Bertemakan 'Relive Your Best Malaysia Memories', 'Hello Kawan 2025' menawarkan tambang diskaun eksklusif bagi empat orang secara berkumpulan atau lebih.

Dengan peningkatan kekerapan penerbangan ke KL dan KK pada 2025, RB berbangga dapat menawarkan kemudahan perjalanan yang lebih baik kepada para pelancong untuk percutian singkat mahupun percutian panjang.

Cabutan bertuah bulanan kempen berkenaan menambah lagi keseronokan dengan 300 pelancong berpeluang memenangi baucar membeli-belah bernilai RM200 hanya dengan pembelian tiket yang memenuhi syarat.

Selain itu, sebanyak 10 baucar tambahan akan ditawarkan melalui aktiviti media sosial RB, memberikan satu lagi peluang bagi peminat 'Hello Kawan 2025' untuk turut serta.

Sementara itu, TYT Datuk Mohd. Aini Atan menjelaskan,

TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam dan Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kapten Sabirin bin Haji Abdul Hamid hadir melancarkan kempen 'Hello Kawan 2025' yang berlangsung di RB Campus.

Malaysia kekal komited dan akan terus melaksanakan langkah yang diperlukan untuk memperkukuh hubungan pelancongan dengan NBD melalui pelancongan mampan yang merangkumi pengalaman gaya hidup yang menyeronokkan, peluang pelancongan yang pelbagai, hospitaliti yang cemerlang dan jaringan penerbangan yang lancar.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif RB pula mezhahirkan perasaan gembira menjalin semula kerjasama bersama Tourism Malaysia melalui 'Hello Kawan 2025'.

Menurutnya, kempen berkenaan sentiasa mendapat sambutan dalam kalangan pelancong NBD yang menghargai kemudahan, keselesaan dan pengembaraan bersama.

Dengan peningkatan kekerapan penerbangan dan tawaran menarik tambahannya lagi, mereka mengalu-alukan lebih ramai



pengunjung dan mencipta hubungan yang bermakna melalui pengembaraan.

"Sama ada membeli-belah di KL, menjamu selera makanan laut di KK atau meneroka budaya di Kuching, 'Hello Kawan 2025' adalah menjadi detik pertemuan semula yang menggembirakan, hubungan mesra dan pengembaraan bermakna di Malaysia," ujarnya lagi.

Kempen berkenaan disokong oleh promosi pemasaran menyeluruh merangkumi media sosial, akhbar, radio dan platform digital, dengan menampilkan Arbi, iaitu Wira dan Manja serta

mengutamakan pengalaman membeli-belah, aktiviti santai dan pelancongan secara berkumpulan.

Tawaran 'Hello Kawan 2025' boleh ditempah melalui laman sesawang flyRB.com, aplikasi mudah alih RB dan agensi pelancongan yang mengambil bahagian, iaitu Anthony Tours, Darussalam Services, Frema Travel Services, JJ Tours Sdn. Bhd., Pan Bright Travel Services Sdn. Bhd., Southern Cross Travel, dan Straits Central Agencies (B) Sdn. Bhd. Tempoh pengembaraan hendaklah dibuat sebelum 30 November 2025.

LAWATAN TINJAU HASIL KERJA PELATIH OKU DI PUSAT BAHAGIA



ROMBONGAN seramai 17 orang yang terdiri daripada Kumpulan Isteri Menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Bersekutu semasa mengadakan lawatan ke Pusat Bahagia di Kampung Pulaie.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Rombongan seramai 17 orang yang terdiri daripada Kumpulan Isteri Menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan

Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Bersekutu telah mengadakan lawatan ke Pusat Bahagia di Kampung Pulaie, di sini. Program dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh pelatih Pusat

Bahagia Brunei Muara, Awang Mohammad Sufizan bin Sofian, yang merupakan Orang Kelainan Upaya (OKU) penglihatan.

Seterusnya, majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan dan taklimat ringkas mengenai Pusat Bahagia yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah Bahagian OKU, Dayang Nurul

Nazurah binti Jaya.

Sebagai tanda penghargaan, program turut diselenggarakan dengan penyampaian cenderahati daripada Pusat Bahagia kepada Datin Hajah Nahriah binti Haji Awang Asbi, selaku Pengerusi Kedua Kumpulan Isteri Menteri-menteri Kabinet, Timbalan-timbalan Menteri,

Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta Ahli-ahli Bersekutu.

Ahli-ahli kumpulan kemudiannya menyaksikan pameran dan jualan hasil kerja pelatih-pelatih OKU dari Pusat Bahagia seluruh daerah, serta melawat kelas-kelas di Pusat Latihan Pekerjaan OKU seperti kelas jahitan, kraf tangan dan lukisan, kelas agama, serta Kelas Braille.

Mereka turut berpeluang menyaksikan aktiviti masakan, iaitu hidangan pembuka selera dan pencuci mulut yang disediakan secara berkumpulan oleh pelatih-pelatih OKU dengan kerjasama kakitangan Pusat Bahagia Brunei Muara.

Antara objektif lawatan ini adalah untuk memberikan peluang yang inklusif serta pendedahan kepada masyarakat akan kebolehan pelatih-pelatih OKU di Pusat Bahagia.

Pusat Bahagia menyediakan perkhidmatan latihan kemahiran bantu diri, penghasilan produk-produk dan jualan khusus bagi OKU.

Latihan-latihan Pusat Bahagia adalah terdapat di seluruh daerah dan terbuka kepada OKU yang selesai dari pendidikan wajib.

Orang ramai yang berminat memohon mengikuti latihan dialu-alukan mengunjungi Pusat Bahagia di daerah berdekatan atau menghubungi Talian JAPEM 141 bagi maklumat lanjut.

Cungkil bakat, tanamkan minat dalam penulisan khat



ISTERI Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

JERUDONG, Khamis, 29 Mei. - Tulisan khat merupakan salah satu kesenian penting dalam dunia peradaban Islam, dan Seni Khat bermaksud garisan yang membentuk tulisan-tulisan indah dan terikat dengan peraturan dan kaedah yang telah dikaji dan ditentukan oleh mereka yang terlibat dengan kemajuan seni.

Justeru, pendedahan mengenai tulisan khat amat penting bagi setiap Muslimah yang mengikuti Kelas Bimbingan Muslimah di seluruh negara kerana penyertaan di bengkel tersebut dapat menambahkan pengetahuan Muslimah seterusnya memberikan kemahiran untuk menulis serta menghayati cara penulisan khat.

Dalam hubungan ini, Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid menganjurkan Pertandingan Khat Kelas Bimbingan Muslimah Senegara

dengan memberi tumpuan terhadap Khat Nasakh.

Majlis Penyampaian Hadiah bagi Pertandingan Khat Kelas Bimbingan Muslimah Senegara diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong, di sini.

Tempat pertama dimenangi oleh Dayang Syaza Nuwairah binti Samsul, dari Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kampung Katimahar, sementara tempat kedua disandang oleh Dayang Umi Aqilah binti Shahrin dari Masjid Az-Zakireen Meragang, dan tempat ketiga ialah Pengiran Hajah Naini binti Pengiran Haji Bakar dari Masjid Universiti Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Datin Hajah

Nahriah binti Haji Awang Asbi, isteri Menteri Hal Ehwal Ugama.

Objektif pertandingan adalah untuk meningkatkan pemahaman mengenai tulisan khat dalam kesenian Islam, di samping itu untuk mencungkil bakat, menanamkan minat dan seterusnya menerapkan kemahiran para Muslimah dalam penulisan khat.

Di majlis tersebut, tetamu kehormat juga berkesempatan menyaksikan pameran berupa hasil kerja peserta yang memenangi pertandingan tersebut dan juga hasil kerja tulisan khat dari Syarikat Zayn Calligraphy serta demonstrasi teknik tulisan Khat yang dikendalikan oleh Pegawai Kegiatan Luar (SkiPPA), Unit Penerbitan Mushaf, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Mohammad Hamizan bin Begawan Mudim Haji Amran.

Brunei MYCE 2025 ketengahkan aktiviti mesra alam, fokus sumber digital

Siaran Akhbar : Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Acara tahunan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE 2025), yang dianjurkan oleh Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, kini kembali bermula 19 Mei sehingga 16 Julai 2025 dengan kerjasama beberapa agensi

kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara.

Acara Brunei MYCE 2025 memfokuskan kepada pelbagai acara persidangan, seminar, bengkel dan pameran bagi perkongsian ilmu pengetahuan, percambahan fikiran serta pameran penemuan-penemuan baharu dalam pelbagai bidang di kalangan para ilmuwan, usahawan, pensyarah-pensyarah dan juga pelajar dan orang ramai dari dalam dan luar negara.

Melalui penglibatan pakar, pembentang dan peserta dari luar negara, penganjuran Brunei MYCE diharap akan dapat meningkatkan jumlah pelancong antarabangsa yang akan menyumbang kepada

pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) khususnya dalam industri perhotelan, pengangkutan, penerbangan, makanan dan seumpamanya.

Dengan kejayaan anjuran Brunei MYCE pada tahun-tahun yang lalu, acara ini diteruskan lagi untuk tahun kelima bagi mencapai matlamat strategik Jabatan Kemajuan Pelancongan untuk menarik pasaran pelancongan MICE (Meetings, Incentives, Conferences and Events) khususnya *business travellers* ke Negara Brunei Darussalam dengan menumpukan kepada kerjasama dengan agensi swasta dan universiti-universiti tempatan dan antarabangsa, Government Linked Companies (GLCs) dan juga pertubuhan-pertubuhan antarabangsa.

Acara Brunei MYCE tahun ini juga menekankan penganjuran acara yang lebih mampan iaitu menggalakkan perlaksanaan aktiviti

yang mesra alam, pengurangan pembaziran dan penggunaan sumber digital dalam pengurusan acara.

Penganjuran Brunei MYCE 2025 memfokuskan kepada empat tema iaitu Islamik, Alam Sekitar, Teknologi dan Inovasi, serta Hal Ehwal Semasa.

Sebanyak 27 acara berbentuk persidangan, seminar, bengkel, pameran dan seumpamanya akan berlangsung sepanjang acara Brunei MYCE 2025.

Antara acara yang akan diadakan adalah Persidangan Antarabangsa Mazhab Syafi'i anjuran bersama Jabatan Mufti Kerajaan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali; Persidangan Antarabangsa Manuskrip Islam anjuran Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah; 53rd SEAMEO Council Conference 2025 anjuran Kementerian Pendidikan, Brunei Darussalam; Expedition and Conference on Forest to Reef

anjuran bersama Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan, KSSUP; UBD-AUN Summer Camp 2025 anjuran Universiti Brunei Darussalam; Creative, Innovative, Product and Technological Advancement (CIPTA) Competition 2025 anjuran Universiti Teknologi Brunei (UTB); Brunei Islamic Sustainable Finance Forum anjuran Brunei Institute of Leadership and Islamic Finance (BILIF); Digital Future Conference and Exhibition (DFCE) 2025 anjuran Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Ocean Week Brunei 2025 anjuran Poni Group Sdn. Bhd. dan banyak lagi.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai Brunei MYCE 2025 bolehlah diperoleh melalui laman sesawang <https://www.bruneitourism.com/myce> atau melalui akaun Instagram @bruneimyce.

MMN - UK AFPS BERKONGSI MAKLUMAT MENGENAI PARLIMEN



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pagi tadi menerima lawatan daripada tujuh Ahli

Parlimen United Kingdom (UK) daripada delegasi UK Armed Forces Parliamentary Scheme (UK AFPS) dan pegawai-pegawai dari

Angkatan Tentera British.

Turut menyertai rombongan ialah pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Tinggi British di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Majlis berlangsung di Bangunan Dewan Majlis, di sini.

Ketibaan rombongan dialu-alukan Ahli MMN, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Md. Yusof berserta beberapa Ahli-ahli MMN.

Turut hadir ialah Jurutulis Majlis Mesyuarat Di-Raja, Setiausaha Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet dan Jurutulis MMN, Dr. Dayang Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Awang Haji Hurairah.

MAJLIS Mesyuarat Negara (MMN) semasa menerima lawatan daripada tujuh Ahli Parlimen United Kingdom (UK) daripada delegasi UK Armed Forces Parliamentary Scheme (UK AFPS) dan pegawai-pegawai dari Angkatan Tentera British (atas kiri, atas kanan dan bawah kiri).

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat yang diadakan di Dewan Persidangan yang antara lain memperkenalkan latar belakang dan sejarah penubuhan Bangunan Dewan Majlis yang mencerminkan identiti Melayu Islam Beraja dan keunikan institusi legislatif negara.

Taklimat berkenaan turut mengongsikan mengenai fungsi dan struktur MMN sebagai badan perundangan utama negara termasuk perjalanan mesyuarat dan peranan Ahli-ahli MMN dalam menggubal dasar dan

membincangkan isu-isu pembangunan negara.

Sesi juga diteruskan dengan Majlis Makan Tengah Hari yang telah memberikan peluang bagi kedua-dua belah pihak bertukar-tukar pandangan serta berkongsi maklumat mengenai parlimen masing-masing.

Lawatan berkenaan merupakan satu bentuk jalinan hubungan bagi mengeratkan lagi pertukaran pengalaman serta meningkatkan persefahaman antara institusi legislatif kedua-dua buah negara.



NBD sertai Mesyuarat Lembaga EB157

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

GENEVA, Jumaat, 30 Mei. - Menteri-menteri Kesihatan dan wakil-wakil dari beberapa negara Ahli Lembaga Eksekutif Pertubuhan Kesihatan Sedunia (Executive Board (EB) of the World Health Organisation - WHO) telah menghadiri Mesyuarat Lembaga Eksekutif Sesi Ke-157 yang berlangsung di Geneva, Switzerland, bermula 28 Mei hingga 29 Mei 2025.

Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Perwakilan Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, Puan Yang

Terutama Dayangku Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee serta beberapa pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

NBD telah pun diterima menjadi Ahli Lembaga Eksekutif pada World Health Assembly 77 (WHA77) pada tahun lepas, selaku salah satu wakil negara-negara dari Rantau Pasifik Barat WHO (WHO Western Pacific Region) untuk terma Mei 2024 - Mei 2027.

Lembaga Eksekutif WHO adalah terdiri daripada 34 negara ahli yang dilantik untuk penggal tiga tahun mewakili setiap rantau WHO, dan bersidang dua tahun sekali dengan mesyuarat pertama pada awal

setiap tahun bagi Lembaga untuk membincangkan agenda dan resolusi bagi WHA untuk tahun tersebut.

Mesyuarat kedua seterusnya diadakan menyusul kepada selesainya Sesi WHA dan berfungsi untuk melaksanakan keputusan dan dasar WHA, dan

juga memberikan panduan bagi memudahkan kerja WHO secara amnya.

Mesyuarat Lembaga EB157 kali ini telah pun membincangkan mengenai beberapa isu termasuk hasil WHA78, laporan 'Programme, Budget and Administration Committee of the Executive Board',

laporan 'Standing Committee on Health Emergency Prevention, Preparedness and Response (SCHEPPR)' dan yang berkaitan pengurusan, urus tadbir dan kewangan. NBD juga adalah Ahli SCHEPPR dan mewakili Rantau Pasifik Barat, untuk terma dua tahun.



DELEGASI Negara Brunei Darussalam (NBD) ke mesyuarat tersebut diketuai oleh Perwakilan Tetap NBD ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva, Switzerland, Puan Yang Terutama Dayangku Mazlizah binti Pengiran Haji Mahalee serta beberapa pegawai kanan Kementerian Kesihatan.

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

PANTUN MAMPU JADI JAMBATAN BUDAYA ANTARA NEGARA

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Rabu, 28 Mei. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selaku Sekretariat Mastera Brunei Darussalam malam tadi mengunyahkayahkan acara Penutupan Memperkasa Pantun Nusantara Keempat Tahun 2025 dengan acara kemuncak projek, iaitu Festival Pantun Mastera, yang diselenggarakan dengan pelancaran Buku Sampaian Budi (Memperkasa Pantun Nusantara).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan, Ketua Kampung Sengkarai dan seterusnya melancarkan Buku Sampaian Budi (Memperkasa Pantun Nusantara).

Yang Berhormat Awang Abdul Aziz juga menyampaikan cenderamata dan sijil kepada pemakalah dan Pengerusi Seminar Pantun Mastera; pembimbing dan

peserta Bengkel Pantun Mastera; para penaja serta persatuan penggiat seni tanah air yang terlibat sama dalam menjayakan projek tersebut.

Turut hadir, Pemangku Pengarah DBP selaku Pengerusi Mastera Brunei Darussalam, Awang Suip bin Haji Abdul Wahab; dan Pemangku Timbalan Pengarah DBP selaku Timbalan Pengerusi Mastera Brunei Darussalam, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit.

Atur cara dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Bahagian Sastera dan Majalah, DBP,

Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Raden, selaku Setiausaha Mastera Brunei Darussalam.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menjelaskan, pantun bukan sekadar bentuk puisi klasik tetapi juga adalah alat komunikasi budaya, pendidikan nilai dan cerminan jiwa bangsa.

Dalam konteks diplomasi budaya, katanya, pantun adalah wahana yang berupaya menjalin persaudaraan rentas sempadan.

"Ia mampu menjadi jambatan budaya antara negara, dan instrumen *soft power* dalam hubungan antarabangsa.

"Namun, dalam era teknologi dan Kepintaran Buatan (AI) ini, pantun menghadapi pelbagai cabaran.



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Sengkarai hadir selaku tetamu kehormat majlis (atas), manakala gambar bawah tengah, antara yang berucap.

"Generasi muda semakin jauh daripada akar budaya sekiranya tiada kaedah yang sesuai untuk mendekatkan mereka kembali kepada nilai-nilai warisan," katanya.

Oleh itu, beliau mengemukakan beberapa cadangan bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian pantun sebagai warisan hidup antaranya mengangkat pantun ke pentas teknologi melalui aplikasi interaktif, media sosial, platform video pendek dan AI pencipta pantun yang bijaksana.

Selain itu, ujar beliau, pantun perlu dimasukkan dalam kurikulum secara menyeluruh bukan hanya untuk dihafal tetapi dihayati, dicipta, dan diaplikasikan dalam pembentukan sahsiah pelajar.

"Institusi pengajian tinggi pula digalakkan mewujudkan modul khas atau pusat kajian pantun sebagai cabang warisan Melayu yang bernilai akademik dan

budaya," katanya.

Majlis seterusnya disemarakkan dengan ucapan daripada Nayla Yuliandri dari Indonesia, yang mewakili 20 peserta Bengkel Pantun Mastera.

Projek yang telah bermula sejak 24 Mei itu diadakan sebagai usaha meningkatkan dan memartabatkan bahasa Melayu melalui sastera dalam kalangan belia negara serumpun, menghidupkan kembali warisan budaya (*culture memories*) sastera budaya khususnya seni berpantun, mempertahankan dan melestarikan khazanah pantun sebagai penguapan budaya; merincikan pantun sebagai khazanah yang mempunyai nilai ilmu; mewujudkan rasa kebanggaan kepada warisan sastera budaya pantun; dan memperlihatkan pantun sebagai manifestasi kehidupan bangsa Melayu / Nusantara.

Persidangan APCA-ANPOR-UBD 2025 tekankan kepentingan komunikasi mampan di Asia Pasifik



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Rabu, 28 Mei. - Persidangan APCA-ANPOR-UBD 2025 yang berlangsung selama dua hari dengan bertemakan 'Komunikasi dan Bahasa di Rantau Asia Pasifik: Hubungan, Kerjasama dan Kemampanan', berakhir hari ini di Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Dianjurkan oleh Pusat Bahasa UBD dengan kerjasama Asia-Pacific Communication Alliance (APCA) dan Asian Network for Public Opinion Research (ANPOR), acara itu menghimpunkan para

cendekiawan dan pendidik terkemuka dari seluruh rantau Asia Pasifik untuk meneliti isu-isu mendesak dalam interaksi komunikasi, teknologi dan multibahasa.

Pada majlis perasmian yang diadakan baru-baru ini di Pusat Seni Pro-Canselor, dirasmikan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle dalam ucapannya menyatakan tema tahun ini adalah sangat tepat dengan masanya.

"Dalam dunia yang diubah oleh Kecerdasan Buatan (AI), dibentuk oleh gangguan digital, dan dicabar

NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam semasa berucap pada Persidangan APCA-ANPOR-UBD 2025.

oleh peningkatan maklumat salah, keupayaan kita untuk berkomunikasi dengan tujuan, etika dan inklusif tidak pernah menjadi sesuatu yang sangat penting, kerana keadaan telah berubah," jelasnya.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo; Presiden APCA, Profesor Changfeng Chen; Presiden ANPOR, Profesor Jantima Kheokao; serta Penolong Naib Canselor UBD, Dekan, Pengarah dan peserta dari Negara Brunei Darussalam, Kemboja, China, Jerman, Hong Kong, Indonesia, Korea, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Amerika Syarikat.

Persidangan itu menampilkan lima penceramah utama daripada institusi terkemuka dunia, menangani topik seperti AI generatif, etika digital, multibahasa, dasar bahasa dan kemampanan.

Profesor Jack Qiu dari Universiti Teknologi Nanyang, Singapura,



memulakan dengan refleksi kritis tentang bagaimana Kecerdasan Buatan (AI) membentuk semula membaca, mendengar dan menulis, menyeru agar fokus diperbaharui pada agensi manusia dalam pendidikan.

Ucapan lain meneroka penipuan dalam talian, kekurangan perhatian dan cabaran kognitif mengenai kelebihan maklumat.

Pada hari kedua, perhatian beralih kepada perspektif Asia Tenggara mengenai penterjemahan bahasa dan dasar

komunikasi mampan.

Majlis ditutup pada 28 Mei dengan majlis yang diadakan di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), dirasmikan oleh Penolong Naib Canselor (Pendidikan) UBD, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohamad Iskandar Pengiran Haji Petra.

Persidangan itu menandakan peristiwa penting bagi Pusat Bahasa UBD, mengukuhkan peranannya sebagai hab serantau untuk dialog antara budaya dan komunikasi mampan.



PENYAMPAIAN sijil dan cenderamata kepada para hakim pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025 dan tetamu jemputan disempurnakan oleh Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei selaku tetamu kehormat dan juga Pemangku Pengerusi CIPTA, Dr. Ismawi bin Haji Md. Yusof.

MAJLIS MAKAN MALAM RAIKAN HAKIM CIPTA 2025

BANDAR SERIBEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Majlis Makan Malam Penghargaan diadakan malam tadi sebagai tanda penghargaan kepada panel hakim yang telah menyumbang dan menjayakan Pertandingan CIPTA Duli Pengiran Muda Mahkota 2025. Majlis diadakan di Mutiara Ballroom, Hotel Radisson.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Pegawai Extra-Curricular Activities (ECA) di UTB, Awang Mohamad Shah@Muhammad Lutfi Hadi bin Haji Asmat.

Majlis diteruskan dengan ucapan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

alu-aluan oleh Ketua Jawatankuasa Teknikal CIPTA 2025, Pengiran Dr. Rafidah binti Pengiran Haji Petra, diikuti dengan penyampaian sijil dan cenderamata yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis dan Pemangku Pengerusi CIPTA, Dr. Ismawi bin Haji Md. Yusof kepada para hakim dan tetamu jemputan.

Mereka yang telah diberi penghargaan termasuk pakar dari Universiti Putra Malaysia, Universiti

Teknikal Malaysia Melaka (UteM); Universiti Brawjaya, Indonesia; SEA Bridge, Thailand; Offshore Marine Centre, Singapore; Brunei LNG Sdn. Bhd.; UTB; Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); Kementerian Kesihatan; Kementerian Pendidikan; Pihak Berkuasa bagi Teknologi Info-Komunikasi (AITI); Brunei Methanol Company Sdn. Bhd.; Shell LiveWire dan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (LKEB).

Alya Playhouse rasmi cawangan baharu di UBD



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian cawangan baharu Alya Playhouse berkenaan (kiri), manakala gambar bawah kiri, Naib Canselor UBD meninjau kemudahan di Alya Playhouse berkenaan.

anak-anak. Alya Playhouse bukan sahaja menyediakan aktiviti pendidikan awal kanak-kanak, malah kami menerapkan elemen gaya hidup Islam seperti doa harian, adab makan, dan lain-lain dalam rutin harian mereka," ujar pemilik Alya Playhouse, Awang Ahmad Fathi bin Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan.

Pusat ini ujarnya terbuka kepada umum dan amat sesuai bagi ibu bapa yang mencari pendekatan holistik dalam penjagaan dan perkembangan anak-anak kecil.

Selain kurikulum pendidikan awal yang sesuai dengan peringkat umur, Alya Playhouse turut menekankan aspek kasih sayang, kebersihan dan keselamatan dalam persekitaran pembelajaran yang menyeronokkan.

Alya Playhouse tambahnya, berharap dapat menjadi rakan sokongan utama kepada ibu bapa dalam mendidik anak-anak sejak dari usia kecil. Juga tidak dilupakan untuk membantu meningkatkan dalam pembangunan ekonomi negara serta memberikan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan.

"Semoga dengan kehadiran Alya Playhouse di UBD ini bukan sahaja dapat membantu warga UBD, malah juga untuk menerapkan lagi generasi akan datang dengan pembelajaran Islam sejak awal lagi," tambahnya.

Alya Playhouse kini beroperasi dengan empat cawangan masing-masing bertempat di Kampung Tanah Jambu, Kampung Jerudong dan yang terkini di kampus UBD.

Orang ramai khususnya para ibu bapa yang berminat bolehlah menghubungi talian +673 8649574 atau melalui e-mel alya.playhouse@gmail.com bagi mengetahui maklumat lanjut.

TUNGKU LINK, Jumaat, 30 Mei. - Alya Playhouse, sebuah pusat penjagaan kanak-kanak berkonsepkan pendidikan awal dan integrasi gaya hidup Islamik, merasmikan cawangannya terbaharu bertempat di Executive House 1 & 2, The Core Residential College, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Pusat ini menyediakan perkhidmatan yang menyasarkan penjagaan dan didikan anak-anak kecil berumur seawal 3 bulan hingga 3 tahun dan dibangunkan

bagi memenuhi keperluan ibu bapa masa kini yang menginginkan suasana asuhan selamat, penyayang serta berteraskan nilai-nilai Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan perasmian cawangan baharu Alya Playhouse berkenaan ialah Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle.

"Kami percaya pendidikan awal yang seimbang dari segi emosi, fizikal dan rohani memainkan peranan penting dalam membentuk asas sahsiah



Suspek sindiket Macau Scam dijatuhkan hukuman

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BELAIT, Jumaat, 30 Mei. - Seorang warga asing yang disyaki terlibat dalam sindiket penipuan dalam talian Macau Scam telah berjaya diberkas oleh Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pada 21 Mac lalu, hasil usaha berterusan dan penyiasatan menyeluruh oleh Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), di bawah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ).

Beberapa kes penipuan dalam talian telah dilaporkan di mana suspek menyamar sebagai pegawai bank atau polis untuk menipu mangsa.

Modus operandi kes ini adalah mangsa akan dihubungi dan dimaklumkan kononnya mereka terlibat dalam hutang kad kredit atau aktiviti pengubahan wang haram. Suspek kemudian memperdaya mangsa untuk membuat pemindahan wang secara dalam talian atau menyerahkan wang tunai kepada individu yang tidak dikenali.

Setakat ini, lebih daripada 50 kes telah dilaporkan dan disiasat oleh BSJS. Sindiket ini telah menyebabkan kerugian melebihi BND1 juta kepada mangsa-mangsa tempatan.

Mengesan, membongkar dan mendakwa rangkaian sindiket ini telah menjadi fokus utama BSJS yang kini terus giat menjalankan siasatan bagi mengenal pasti dan menjejak suspek-suspek lain.

Suspek telah dihadapkan ke mahkamah pada 17 Mei 2025 bagi menghadapi sembilan pertuduhan jenayah. Pendakwaan telah dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Emily Goh dan Mohammad Syafie Mirhan di bawah Seksyen 420 dan 109 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 serta Perintah Mengembalikan Aset Jenayah 2012 atas kesalahan pengubahan wang haram.

Majistret, Nur Eleana binti Dato Seri Paduka Haji Hairil telah menjatuhkan hukuman penjara maksimum selama tujuh tahun ke atas suspek. Sebagai sebahagian daripada tindakan susulan, Unit Interpol PPDB kini sedang menggiatkan usaha kerjasama dengan agensi luar negara untuk menjejaki dan membawa pulang suspek-suspek lain yang dipercayai masih bebas di luar negara.

PPDB komited untuk memastikan keseluruhan rangkaian sindiket ini dapat dibanteras secara menyeluruh. PPDB turut menyeru orang ramai agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan panggilan atau mesej yang meminta maklumat peribadi atau kewangan.

Penipuan dalam talian kini semakin canggih dan menyasarkan mangsa secara agresif. Masyarakat dinasihatkan untuk tidak melakukan sebarang transaksi kewangan tanpa pengesahan sah daripada pihak berkuasa atau institusi kewangan rasmi.

Sebarang aktiviti atau panggilan yang mencurigakan hendaklah segera dilaporkan kepada pihak polis.

Usaha berterusan PPDB dalam membanteras jenayah siber mencerminkan komitmen teguh pasukan keselamatan negara dalam melindungi rakyat dan memastikan keadilan ditegakkan tanpa kompromi.



SEORANG warga asing yang disyaki terlibat dalam sindiket penipuan dalam talian Macau Scam telah berjaya diberkas oleh Pasukan Polis Diraja Brunei.

Pelancaran Ekspo Usahawan MPK Kilanas 2025

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

KILANAS, Jumaat, 30 Mei. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kilanas dengan sokongan Jabatan Daerah Brunei dan Muara (JDBM) serta Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei telah menganjurkan Ekspo Usahawan MPK Kilanas 2025 bermula 28 Mei lalu hingga 1 Jun ini nanti.

Pelancaran ekspo yang berlangsung di Dewan Razytaa, Bangunan Pengiran Haji Othman Sengkuring (bekas Hua Ho

Sengkuring) di sini disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin, Penghulu Mukim Lumapas, penghulu dan pemangku penghulu serta ketua-ketua kampung.

Ekspo Usahawan MPK Kilanas 2025 adalah inisiatif berprestij yang

dianjurkan dan merupakan julung kali ia diadakan oleh MPK berkenaan yang dibukakan dari pukul 10.00 pagi hingga pukul 10.00 malam.

Ekspo bertujuan untuk menghimpunkan usahawan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dari dalam dan luar negeri, menyediakan platform penting untuk pameran produk dan perkhidmatan, *business matching* dan pelancaran produk baharu.

Selain itu, ia juga dirancang untuk memenuhi keperluan usahawan dalam memperluas jaringan, mengakses pasaran yang lebih luas dan mendapatkan wawasan mengenai trend industri terkini.



PELANCARAN ekspo yang berlangsung di Dewan Razytaa, Bangunan Pengiran Haji Othman Sengkuring (bekas Hua Ho Sengkuring) disempurnakan oleh Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara (atas kanan), manakala gambar atas, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara menyaksikan jualan daripada usahawan tempatan. Sementara gambar kanan, antara yang menyertai ekspo tersebut.



FORUM SENTUH KELEBIHAN IBADAH KORBAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Hernie Suliana Haji Othman



RIMBA, Rabu, 28 Mei. - Ibadah korban merupakan salah satu syiar yang sangat besar ganjarannya bagi umat Islam yang dilaksanakan sempena Hari Raya Aidiladha untuk mengingati pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam.

Ibadah tersebut bukan sahaja menunjukkan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala malah mendidik jiwa agar sentiasa bersedia berkorban demi agama, bangsa dan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Imarah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba mengunyahkayahkan Majlis Forum mengenai kelebihan ibadah korban bagi AJKT masjid, Muslimah masjid dan jemaah masjid Daerah Brunei dan Muara

bertempat di masjid berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri. Turut hadir pada Majlis Forum tersebut, Ketua-ketua Kampung dan penduduk sekitar.

Ahli-ahli panel forum terdiri daripada Pegawai Hal Ehwal Masjid Tingkat Khas, Ketua Bahagian Imarah, JHEM, Awang Haji Fansuri@Mansur bin Mohamad Ali dan Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Sammali bin Haji Adam. Manakala, Imam Surau Polis Gadong, Awang Mohamad Yusri bin Haji Abu Bakar selaku moderator.

Antara lain objektif Majlis Forum diadakan adalah untuk memberi



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut (atas), manakala gambar atas kiri, antara ahli panel forum.

pemahaman mendalam tentang konsep dan hukum ibadah korban, menjelaskan kelebihan dan ganjaran melakukan ibadah korban di samping menyuburkan nilai pengorbanan dalam jiwa umat Islam.

Selain untuk mendedahkan peserta-peserta forum akan pengorbanan besar Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam melakukan ibadah korban, forum seumpamanya juga dihasrat akan dapat meningkatkan kesedaran untuk menyertai ibadah korban dalam kalangan masyarakat pada setiap tahun dan menggalakkan semangat pengorbanan dalam kehidupan seharian serta memupuk semangat kerjasama dan bergotong-royong.

Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

كمتيرين كسبتين
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

MENINGKATKAN KESEDARAN, PENGGUNAAN PLATFORM ASEAN IP REGISTER



BENGKEL menghimpunkan kira-kira 80 peserta dari sektor kerajaan, akademik, perniagaan dan perundangan dalam bidang harta intelek.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ihsan Pejabat Peguam Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Pejabat Harta Intelek Brunei Darussalam (BruiPO) dengan kerjasama Pertubuhan Harta Intelek Dunia (WIPO) mengadakan bengkel bertajuk 'Promotion of the ASEAN IP Register : Gearing Toward a Data-driven IP Strategy in Business', baru-baru ini.

Bengkel ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan mempromosikan penggunaan platform ASEAN IP Register sebagai alat strategik untuk menyokong perniagaan dan inovasi.

Bengkel ini menghimpunkan kira-kira 80 peserta dari sektor kerajaan, akademik, perniagaan

dan perundangan dalam bidang harta intelek, bagi memupuk kesedaran dan pemahaman tentang peranan harta intelek dalam menyokong pertumbuhan ekonomi serta membina daya saing perniagaan di peringkat negara dan serantau.

ASEAN IP Register ialah sebuah platform dalam talian yang menyediakan akses kepada data dan statistik dari Pejabat Harta Intelek di negara-negara ASEAN.

Platform ini direka untuk memudahkan pemilik harta intelek, penyelidik dan pihak berkepentingan lain dalam mencari maklumat mengenai harta intelek serta membuat keputusan strategik berkaitan

pasaran, inovasi, serta perlindungan aset harta intelek.

Semasa bengkel tersebut para peserta diperkenalkan kepada pelbagai jenis harta intelek, proses pendaftaran dan kepentingannya, serta cara penggunaan data dari ASEAN IP Register untuk menyokong strategi perniagaan.

Sesi ini menunjukkan bagaimana data daripada ASEAN IP Register boleh dimanfaatkan untuk penyelidikan pasaran, pembangunan produk, dan perancangan pemasaran.

Para peserta juga berpeluang berinteraksi dan berkongsi pandangan secara langsung dengan pakar-pakar harta intelek daripada WIPO dan BruiPO mengenai pengurusan dan perlindungan harta intelek.

جائين فرانكشن ايكونومي دان ستاتيسټيڪ
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HARTA INTELEK PEJUANG
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usunku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

Sidang bentuk rangkaian, komited dalam pemuliharaan hidupan liar

Siaran Akhbar dan Foto : Biodiversity and Wildlife Conservation Society Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Komitmen Negara Brunei Darussalam (NBD) terhadap pemuliharaan hidupan liar dan pemeraksaan belia mendapat perhatian apabila Dayang Natasya Emeralda Leong mewakili NBD dalam The CITES Global Youth Summit (CGYS) 2025 yang berlangsung di Singapura sehingga 31 Mei 2025.

Sidang Kemuncak ini menghimpunkan lebih 80 delegasi belia dari 53 negara, membentuk rangkaian yang pelbagai dan dinamik serta komited untuk memastikan perdagangan hidupan liar kekal sah, mampan dan boleh dikesan.

Ahli BruWILD (Biodiversity and Wildlife Conservation Society Brunei), Dayang Natasya Emeralda Leong akan menyertai

pemimpin belia antarabangsa, penggubal dasar dan pakar pemuliharaan dalam program selama seminggu yang merangkumi bengkel, sesi pakar, mock Conference of Parties for the Youth (CoPY) dan pembangunan projek secara kolaboratif.

Perhimpunan global ini dianjurkan di bawah CITES Global Youth Network (CGYN), satu inisiatif yang dilancarkan pada tahun 2024 untuk memperkasa suara belia dalam proses CITES dan tadbir urus biodiversiti.

Dengan perdagangan haram hidupan liar menjadi antara ancaman paling serius terhadap biodiversiti, CGYS 2025 menyediakan platform luar biasa bagi belia untuk terlibat dalam penyelesaian dunia sebenar.

Daripada siasatan forensik kepada kempen perubahan

tingkah laku dan pelan tindakan serantau, para delegasi dibekalkan dengan kemahiran, bimbingan, dan rangkaian untuk memimpin usaha pemuliharaan di negara masing-masing.

"Saya berbangga membawa perspektif NBD ke pentas global ini. Belia mempunyai peranan yang besar dalam membentuk masa depan yang lestari untuk hidupan liar, dan CGYS ialah tempat di mana idea kolektif kita diterjemah kepada tindakan," ujar Dayang Natasya Emeralda Leong.

Penyertaan NBD selaras dengan keutamaan negara di bawah The Brunei Darussalam National Biodiversity Strategy and Action Plan (NBSAP) yang menekankan penglibatan belia, pendidikan alam sekitar dan kerjasama antarabangsa sebagai teras utama.

Melalui CGYS, NBD menyumbang kepada



DAYANG Natasya Emeralda Leong mewakili Negara Brunei Darussalam dalam The CITES Global Youth Summit (CGYS) 2025 yang berlangsung di Singapura sehingga 31 Mei 2025.

pembentukan dasar global sambil memperoleh pandangan berharga mengenai pemuliharaan

berasaskan komuniti, inovasi penguatkuasaan dan tadbir urus hidupan liar berasaskan sains.

BERGANDING BAHU DALAM MENJAGA KEAMANAN & KEDAULATAN NEGARA

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 02 ZULKAEDAH 1446H / 30 MEI 2025M

ABDB: AMANAH DIPIKUL, KEDAULATAN DIPERTAHAN, KEJAYAAN DIINSPIRASIKAN

-  Kewujudan ABDB adalah untuk menggalas tanggungjawab memelihara keamanan dan keselamatan negara dengan menanai amanah pada menjaga kedaulatan raja, agama dan negara
-  Tanpa adanya tentera, sesebuah negara itu akan sentiasa berada dalam keadaan terancam dan tidak selamat
-  Sejarah membuktikan bahawa kemenangan berpihak kepada tentera Islam walaupun bilangan kecil

KUALITI SEORANG TENTERA

Kekuatan negara bukan sahaja dengan peralatan tentera yang canggih, tetapi juga menuntut setiap anggota yang memiliki:



FIZIKAL LASAK:
Tubuh badan yang kuat dan sihat, melalui latihan profesional



MENTAL KENTAL:
Bijak dalam mengatur strategi untuk mencapai kejayaan dan kemenangan



SPIRITUAL TABAH:
Menjaga kewajipan sebagai seorang Muslim dan menghindarkan diri dari segala perbuatan mungkar

PERANAN KITA SEMUA



- ▶ Keamanan, keutuhan dan kedaulatan negara memerlukan komitmen seluruh rakyat dan penduduk negara
- ▶ Pupuk kesetiaan kepada raja, cinta kepada negara dan berazam tinggi mempertahankannya dalam apa jua keadaan

Sama-samalah kita berganding bahu membantu pihak tentera menjaga keamanan dan kedaulatan negara





Berganding bahu dalam menjaga keamanan dan kedaulatan negara

keperluan pertahanan yang bersifat strategik agar tidak mudah diganggu gugat atau dicerobohi. Tanpa ada tentera, sesebuah negara itu akan sentiasa berada dalam keadaan terancam dan tidak selamat daripada sebarang ancaman sama ada dari luar mahupun dalam negara itu sendiri. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 60 :

Tafsirnya : "Dan sediakanlah untuk (menentang) mereka (musuh yang menceroboh) dengan apa jua kekuatan yang kamu termampu dan daripada kuda-kuda yang disediakan untuk berperang supaya kamu dapat menggerunkan musuh Allah dan musuh kamu serta orang-orang lain selain daripada mereka itu yang kamu tidak mengetahuinya sedangkan Allah mengetahui mereka. Dan apa jua yang kamu belanjakan pada jalan Allah akan disempurnakan (ganjaran pahalanya) kepada kamu dan kamu pula tidak dianiayai (tidak dikurangkan pahala)".

Sesungguhnya kekuatan sesebuah negara itu bukan saja dengan memiliki peralatan tentera yang canggih tetapi juga menuntut setiap peringkat anggotanya memiliki fizikal yang lasak, spiritual yang tabah dan mental yang kental, sentiasa siap siaga serta berkemahiran tinggi dalam bidang ketenteraan. Mereka ini mampu memikul tugas ketenteraan dan tanggungjawab serta berkemampuan menanggung risikonya.

Selain daripada itu, para anggota tentera hendaklah juga memiliki kekuatan rohani dengan memantapkan keimanan dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam memastikan perjuangan mereka sentiasa mendapat pertolongan dan mendapat keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Sejarah membuktikan bahawa keteguhan iman, disiplin diri dan semangat juang yang tinggi menjadi teras utama dalam membentuk pasukan yang benar-benar ampuh menghadapi sebarang bentuk ancaman, sama ada bersifat fizikal mahupun ideologi. Justeru itu, kemenangan banyak berpihak kepada tentera Islam dalam banyak peperangan walaupun jumlah mereka lebih sedikit berbanding tentera musuh. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 249 :

Tafsirnya : "Berkata pula orang-orang yang menyangka (meyakini) bahawa mereka akan menemui Allah : Berapa banyak (telah terjadi) kumpulan yang sedikit

dapat mengalahkan kumpulan yang banyak dengan izin Allah. Dan Allah berserta orang-orang yang sabar".

Tugas sebagai tentera adalah tugas yang mulia di sisi agama mahupun negara. Oleh yang demikian, warga ABDB perlu terus memperkasa profesionalisme serta sentiasa berada dalam kesiapsiagaan tertinggi. Setiap anggota tentera perlu memiliki kekuatan jati diri dengan memfokuskan kekuatan fizikal, strategi dan juga spiritual. Fizikal atau jasmani, iaitu tubuh badan yang sentiasa kuat dan sihat dapat dicapai dengan adanya latihan yang profesional. Dengan cabaran keselamatan masa kini yang semakin kompleks, menghendaki strategi pertahanan yang kukuh bagi memastikan kepentingan negara terus terjaga dan kesejahteraan rakyat sentiasa dikecapi.

Pada zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ramai sahabat-sahabat yang bijak dalam mengatur strategi peperangan sehinggakan mencapai kejayaan dan kemenangan dalam peperangan. Contohnya sebagaimana yang berlaku dalam satu peristiwa sebelum berlakunya peperangan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memilih tempat yang akan menempatkan tentera Islam lalu seorang sahabat yang bijak dan banyak pengalaman dalam peperangan bangun bertanya kepada Rasulullah : "Adakah arahan itu satu wahyu wahai Rasulullah?" Jawab Rasulullah : "Tidak!" Lalu sahabat itu mencadangkan agar tentera Islam mengambil kedudukan di tempat yang berdekatan dengan telaga air. Dalam peperangan, sumber air yang mencukupi sangatlah memberikan impak yang sangat besar kepada tentera.

Begitu juga dengan kisah sahabat Salman Al-Farisi Radiallahuanhu yang mencadangkan supaya tentera Islam menggali parit di sekeliling kota Madinah bagi menahan kemaraan tentera musuh semasa dalam Peperangan Khandaq.

Adapun spiritual atau kerohanian, iaitu kekuatan dalaman adalah berpaut teguh menjalin hubungan dengan Allah Subhanahu Wata'ala iaitu dengan sentiasa menjaga kewajipan sebagai seorang Muslim, mampu menghindarkan diri daripada segala perbuatan mungkar dan maksiat serta mengawal diri daripada terjebak dengan amalan yang mencacatkan integriti. Semua ini adalah dalam rangka membentuk jati diri Muslim yang kukuh serta

menanamkan kesedaran bahawa perjuangan mempertahankan tanah air adalah satu ibadah yang besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Anfal, ayat 45 :

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu berperang dengan pasukan (musuh) maka hendaklah kamu tetap teguh menghadapinya dan ingatlah Allah banyak-banyak supaya kamu beroleh kemenangan".

Dalam melaksanakan tanggungjawab bagi memastikan keamanan, keutuhan dan kedaulatan negara sentiasa terpelihara, ia juga memerlukan komitmen seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara. Kita selaku rakyat perlu memupuk semangat kesetiaan kepada raja dan kecintaan kepada negara serta berazam tinggi mempertahankannya dalam apa jua keadaan dan dalam apa juga peranan masing-masing. Kestabilan dan keamanan kekal sebagai prasyarat penting untuk pembangunan kesejahteraan negara.

Maka sebagai rakyat dan penduduk di negara ini, sama-samalah kita berganding bahu membantu pihak tentera menjaga keamanan, kestabilan dan kedaulatan negara yang dicintai ini. Semoga dengan demikian, negara kita akan sentiasa aman dan terhindar daripada sebarang ancaman musuh. Sama-samalah kita berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar seluruh anggota ABDB terus diberi kekuatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala dalam melaksanakan amanah besar ini serta terus menjadi benteng yang kuat kepada negara dan semoga segala jasa dan pengorbanan ABDB dalam mempertahankan kesucian agama, kedaulatan raja, bangsa dan negara dikurniakan ganjaran setimpal oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan negara kita sentiasa dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala serta dijauhi daripada bala dan bencana. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu (menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara kebajikan) kuatkanlah kesabaran kamu (dalam menghadapi orang-orang kafir) dan bersiap sedia (dengan kekuatan pertahanan di sempadan negeri kamu) serta bertakwalah kepada Allah supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan)". (Surah Ali-Imran, ayat 200)

Penutupan sementara stesen minyak bagi kerja pemeriksaan, penelitian

Siaran Akhbar dan Infografik : Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan (IBE) melalui Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian bacaan ketepatan ke atas alat sukatan jenis pam minyak di stesen-stesen minyak.

Langkah berkenaan adalah selaras dengan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 Penggal 151, di mana pemeriksaan bacaan ketepatan, sah dan berdaftar dengan Unit SDT adalah dikehendaki ke atas penggunaan alat sukat dan timbang bagi tujuan perdagangan.

Dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan orang ramai serta para tenaga kerja yang terlibat sepanjang kerja-kerja pemeriksaan dan penelitian tersebut, stesen-stesen minyak akan ditutup bermula jam 9.00 pagi hingga selesai, yang

mana anggaran pelaksanaannya adalah sekitar dua jam.

Pemeriksaan dan penelitian ke atas stesen-stesen minyak ini adalah pemeriksaan rutin yang dikendalikan sebanyak tiga kali setahun.

Pemeriksaan ini akan dijalankan di beberapa stesen minyak mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Pada Rabu, 4 Jun 2025, stesen minyak milik Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu Berhad akan ditutup sementara dari jam 9.00 hingga 11.00 pagi.

Seterusnya, pada Khamis, 5 Jun 2025, giliran Stesen Minyak Ikatan Teluk Mewah menjalani pemeriksaan pada waktu yang sama.

Stesen Minyak Mabohai pula akan diperiksa pada Isnin, 9 Jun 2025, diikuti oleh Stesen Minyak Bebatik pada Selasa, 10 Jun 2025 dan Stesen Minyak Masjory pada Rabu, 11 Jun 2025.

Pada Khamis, 12 Jun 2025,

Stesen Minyak Berakas akan ditutup untuk tujuan yang sama, manakala Stesen Minyak 59 Sdn. Bhd. (Riverine Station Kampung Buang Sakar) akan diperiksa pada Sabtu, 14 Jun 2025.

Pemeriksaan akan diteruskan pada Isnin, 16 Jun 2025 di dua lokasi, iaitu Stesen Minyak Badan Tammiah di Brunei-Muara dan Stesen Minyak Kampung Keriam (PAKATAN Tutong) di Daerah Tutong.

Pada Selasa, 17 Jun 2025, giliran Stesen Minyak Koperasi Persatuan Kampung Lubok Pulau (KOPEKLAP) Dengan Tanggungan Berhad dan Stesen Minyak Koperasi Persatuan Tiba (KOTIBA) menjalani pemeriksaan.

Akhir sekali, pada Rabu, 25 Jun 2025, Stesen Minyak Koperasi SAPAKAT di Daerah Belait akan ditutup untuk kerja-kerja pemeriksaan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut, orang ramai boleh menghubungi Unit SDT, IBE melalui e-mel sdt@mofe.gov.bn atau melalui talian +673 2334092.

BIL.	TARIKH & WAKTU PENGUJIAN	ALAMAT/TEMPAT PENGUJIAN	DAERAH
1	4 Jun 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi Perniagaan dan Perusahaan Melayu Berhad	Brunei Muara
2	5 Jun 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Ikatan Teluk Mewah	
3	9 Jun 2025 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Mabohai	
4	10 Jun 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Bebatik	
5	11 Jun 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Masjory	
6	12 Jun 2025 (Khamis) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Berakas	
7	14 Jun 2025 (Sabtu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak 59 Sdn Bhd (Riverine Station Kampung Buang Sakar)	
8	16 Jun 2025 (Isnin) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Badan Tammiah	Brunei Muara
9	17 Jun 2025 (Selasa) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Kampong Keriam (PAKATAN Tutong)	Tutong
		Stesen Minyak Koperasi Persatuan Kampung Lubok Pulau (KOPEKLAP) Dengan Tanggungan Berhad	Brunei Muara
10	25 Jun 2025 (Rabu) 9:00 pagi – 11:00 pagi	Stesen Minyak Koperasi SAPAKAT	Belait

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفَيْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّم، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّمَّا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتَقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَائِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بَعْدَ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ مباءوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قثعملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

TINGKATKAN MOTIVASI PELAJAR HADAPI PEPERIKSAAN



PEMANGKU Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin hadir selaku tetamu khas majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (atas dan kanan).

RIMBA, Rabu, 28 Mei. - Sekolah Arab Sultan Haji Hassanil Bolkiah telah mengemukakan Program Ilal Majdi Wal 'Ula (ke arah ketinggian dan kemuliaan) dalam usaha sekolah tersebut ke arah mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 bagi melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya dengan membawakan tema 'Singkap Ilmu,

Kukuhkan Kebolehan', hari ini.

Daripada program yang dikendalikan ini adalah dihasrat akan meningkatkan motivasi para pelajar dalam usaha mencapai kejayaan dalam menghadapi peperiksaan awam Sijil Pelajaran Ugama Brunei yang akan datang.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diikuti ucapan alu-aluan daripada

Pengetua Sekolah Arab Sultan Haji Hassanil Bolkiah, Awang Haji Norhisyam bin Haji Mohd. Noor.

Seterusnya menyaksikan aktiviti-aktiviti pertandingan berteraskan pengetahuan dan kemahiran mengenai zakat yang merupakan salah satu Ilmu Fiqh dipelajari oleh pelajar-pelajar di persekolahan Arab.

Penyampaian hadiah kepada

Oleh : Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis
Foto : Ihsan Kementerian Hal Ehwal Ugama



para pemenang disempurnakan oleh tetamu khas majlis, Pemangku Penolong Pengarah (Institusi Pengajian), Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Mohamad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin.

Program Ilal Majdi Wal 'Ula ini dianjurkan oleh Bahagian Sekolah

Arab, Jabatan Pengajian Islam dan dikendalikan oleh sekolah-sekolah Arab di negara ini dengan matlamat untuk mengukuhkan kefahaman dan mempersiapkan para pelajar bagi menghadapi peperiksaan awam Sijil Pelajaran Ugama Brunei dan General Certificate of Education Ordinary Level (GCE 'O' Level).

Taklimat tingkatkan kefahaman mengenai First Aid Kit

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

KIARONG, Rabu, 28 Mei. - Kecelakaan atau keadaan darurat boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja tanpa diduga. Oleh itu, kepentingan pemahaman mengenai First Aid Kit bergantung pada kemampuannya serta pengguna dalam memberikan pertolongan pertama yang cepat dan tepat.

Ini membantu mencegah komplikasi yang lebih lanjut, mengurangkan keparahan cedera, dan mempercepat pemulihan sebelum ketibaan bantuan profesional.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan lagi kefahaman mengenai First Aid Kit, Medivac Services pagi tadi mengadakan sesi taklimat mengenai pembekalan First Aid Kit di masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Taklimat tersebut adalah untuk Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin dan Jame' 'Asr Hassanil

Bolkiah serta para Pegawai Hal Ehwal Masjid dan Pegawai Pemantau dari keempat-empat daerah.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dibacakan oleh Pegawai Pemantau Zon 1 Daerah Brunei dan Muara, Awang Saufi bin Haji Suhaini.

Acara diteruskan dengan taklimat mengenai pembekalan First Aid Kit disampaikan oleh Awang Haji Zakaria bin Haji Yassin dari Medivac Services dan diikuti dengan sesi soal jawab. Acara diakhiri dengan bacaan doa selamat.

Melalui taklimat tersebut adalah dihasratkan Penguasa-Penguasa Masjid, para Pegawai Hal Ehwal Masjid dan Pegawai Pemantau yang terlibat memperoleh pengetahuan asas mengenai pertolongan cemas, mempelajari cara menggunakan First Aid Kit di samping membantu meningkatkan keyakinan diri untuk bertindak pantas dan betul apabila terjadinya situasi kecemasan yang memerlukan pertolongan cemas.



MEDIVAC Services mengadakan sesi taklimat mengenai pembekalan First Aid Kit di masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Serbaguna, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong (atas dan bawah kiri).



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Keberkesanan Pembelajaran Digital'. Tarikh Tutup : 4 Jun 2025
2. 'Pencemaran Sungai dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 11 Jun 2025
3. 'Peranan Usahawan Muda dalam Meningkatkan Ekonomi Negara'. Tarikh Tutup : 18 Jun 2025

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

DIALOG KETENGAHKAN KERJASAMA TANGANI ISU EKSPLOITASI KANAK-KANAK

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



BALI, Rabu, 28 Mei. - Delegasi Negara Brunei Darussalam (NBD) telah menghadiri dialog berkaitan dengan jenayah eksploitasi kanak-kanak, Child Sexual Exploitation Regional Dialogue (CSERD) 2025 yang bermula pada 27 hingga 29 Mei 2025 dan dihadiri oleh pihak pegawai-pegawai daripada Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak dan Unit Siasatan Perdagangan Manusia, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB).

Dialog ini dianjurkan oleh pihak Australian Federal Police (AFP) dengan kerjasama Australian Centre to Counter Child Exploitation (ACCCE) dan Jakarta Centre for Law Enforcement Cooperation (JCLEC) yang telah mewujudkan konsep CSERD bermula pada tahun 2018.

Perasmian CSERD telah berlangsung di Manila, Filipina



DELEGASI Negara Brunei Darussalam semasa menghadiri dialog berkaitan dengan jenayah eksploitasi kanak-kanak, Child Sexual Exploitation Regional Dialogue 2025 (atas dan kiri).

pada 25 hingga 26 Februari 2019 buat pertama kalinya. CSERD telah dirancang akan diadakan pada bulan Februari 2020 akan tetapi disebabkan pandemik COVID-19 jadi ia ditunda ke 24 Mei sehingga 26 Mei 2023 di Siem Reap, Kemboja.

Dialog yang ketiga diadakan di Phuket Thailand pada 24 Oktober sehingga 26 Oktober 2023. Manakala, dialog ini adalah dialog keempat yang diadakan di The Westin, Nusa Dua Bali, Indonesia.

Objektif dialog ini adalah untuk mengukuhkan pendekatan kerjasama serantau dalam menangani isu eksploitasi seksual kanak-kanak. CSERD 2025 memberi tumpuan kepada usaha untuk memahami secara lebih meluas permasalahan ini di seluruh rantau Asia Tenggara. Tema bagi CSERD 2025 ini ialah 'From Collaboration to Action : United in combatting Child Sexual Exploitation'.

Seramai 65 orang yang terdiri

daripada pelbagai ASB daripada 11 buah negara termasuk Australian French Police, French National Police, United States Department of Homeland Security, organisasi bukan kerajaan telah menyertai dialog selama tiga hari tersebut.

Wakil dari NBD telah berkongsi pembentangan tentang kes-kes yang melibatkan mangsa saksi kanak-kanak yang dieksploitasi dan dipemerdagangkan.

41 sertai Program Masyarakat Bermaklumat

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Alishahrin Haji Mumin



BERAKAS, Rabu, 28 Mei. - Dalam usaha ke arah memahami, menyokong dan menghargai usaha-usaha kerajaan untuk membangun negara terutamanya bagi mencapai Wawasan Brunei 2035, Jabatan Penerangan menerusi Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah mengadakan Majlis Pembukaan bagi Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang berlangsung selama dua hari bermula hari ini, bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Program disertai oleh seramai 41 orang peserta yang terdiri daripada penduduk Kampung Tanjong Maya dan Lubok Pulau, Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong.

Hadir ialah Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi

Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Imam Masjid Kampung Tanjong Maya Tutong, Awang Abdul Azim bin Haji Jamsar.

Dalam ucapan alu-aluan oleh Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang Muhammad Azyzul Azman@Rosman bin Yakub antara lain menyentuh agar masyarakat sedar dan meningkatkan tentang peranan dan tanggungjawab dalam membangun negara.

Jelas beliau lagi, program tersebut adalah juga untuk meningkatkan lagi kefahaman mengenai dengan bidang keusahawanan dan program-program yang ditawarkan oleh agensi-agensi kerajaan atau pun



PEMANGKU Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim hadir pada Majlis Pembukaan bagi Program Masyarakat Bermaklumat (atas). Manakala gambar atas kiri dan bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

swasta.

"Memahami usaha-usaha kerajaan dalam mengatasi isu pengangguran dan mendorong pertumbuhan ekonomi untuk memberikan inspirasi melalui lawatan sambil belajar ke perusahaan-perusahaan tempatan," jelasnya.

Selaras dengan tujuan program iaitu untuk menyuntik semangat dan menginspirasi anggota masyarakat dalam usaha-usaha meningkatkan pengetahuan serta pendedahan kepada aktiviti-aktiviti peningkatan kapasiti dan pengetahuan, program ini telah disusun atur dengan beberapa sesi taklimat dan lawatan ke agensi-agensi kerajaan yang terpilih.



UNISSA MEMPERKUKUH KERJASAMA ANTARABANGSA

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diwakili oleh Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Muhd. Zaki bin Haji Zaini telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Bank Pembangunan Islam (IsDB) yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa Abdelatif Rahal, Algiers, Algeria, bermula dari 19 hingga 22 Mei 2025.

Dengan tema 'Diversifying Economies and Enriching Lives' bagi tahun 2025 telah menghimpunkan para pemimpin, pakar ekonomi, ahli akademik dan wakil institusi dari negara-negara Ahli IsDB untuk membincangkan strategi pembangunan mampan, kerjasama serantau dan

transformasi ekonomi.

Penyertaan UNISSA dalam mesyuarat ini mencerminkan komitmen institusi tersebut dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa serta menimba pengalaman dan ilmu daripada amalan terbaik yang dibincangkan sepanjang acara berprestij ini.

Antara aktiviti yang diadakan sepanjang empat hari mesyuarat tersebut termasuklah Forum Pembangunan Belia IsDB Ke-13, forum bertajuk 'Future-Ready: Skills and Solutions for Youth Employability', perbincangan tentang pendigitalan dan inklusiviti kewangan Islam melalui IsDB Global Forum on Islamic Finance serta forum yang membincangkan transformasi ekonomi melalui

pendanaan inovatif seperti sukuk, wakaf pelaburan serta inisiatif Halal Economy Leadership.

Penyertaan ini telah membuka ruang besar kepada UNISSA untuk meneroka potensi kerjasama dalam pelbagai bidang, terutamanya dalam memperkasa peranan belia dan memperkukuh ekonomi menerusi pendidikan, penyelidikan dan inovasi. Terdapat banyak peluang yang boleh dimanfaatkan melalui pelbagai inisiatif dan platform yang ditawarkan oleh IsDB.

Penyertaan dalam mesyuarat ini juga menjadi landasan penting dalam menyuarakan potensi Negara Brunei Darussalam dan memperlihatkan kesediaan UNISSA untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi serantau dan global.



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang diwakili oleh Dekan Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, Dr. Muhd. Zaki bin Haji Zaini telah menghadiri Mesyuarat Tahunan Bank Pembangunan Islam (IsDB).

Rombongan DSSB lawat tempat bersejarah di Kota Mekah



ANTARA tempat yang diziarahi oleh para bakal jemaah haji sebelum tibanya hari kemuncak wukuf di Arafah (atas dan bawah).

Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Services Sdn. Bhd.



MAKKAH, Rabu, 28 Mei. - Bagi mengisi masa para bakal jemaah haji sebelum tibanya hari kemuncak wukuf di Arafah, Darussalam Services Sdn. Bhd. (DSSB) telah menyusun pelbagai atur cara harian termasuk sesi ulang kaji manasik serta program ziarah ke lokasi-lokasi bersejarah sekitar

Kota Mekah.

Antara tempat yang diziarahi ialah Jabal Thur, Jabal Nur, Padang Arafah, Jabal Rahmah, Muzdalifah, dan Mina. Aktiviti ziarah yang bermula seawal jam 7.15 pagi ini bertujuan untuk memberikan pendedahan mendalam kepada para jemaah berkenaan sejarah Islam serta

konteks lokasi-lokasi penting dalam ibadah haji.

Sepanjang lawatan, para jemaah diiringi oleh mutawif berpengalaman yang menyampaikan penerangan terperinci mengenai setiap tempat yang dikunjungi. Penceritaan sejarah yang disampaikan bukan sahaja menambah ilmu, tetapi turut menyemarakkan semangat dan penghayatan para jemaah terhadap perjuangan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta peristiwa-peristiwa agung dalam lipatan sejarah Islam.

Menurut pihak pengurusan DSSB, program ziarah ini merupakan sebahagian daripada inisiatif berterusan syarikat untuk menambah nilai dalam pengalaman rohani para jemaah.

Pengarah Urusan DSSB, Haji Mahmud bin Haji Mohamed, berkata, "DSSB percaya bahawa memahami konteks sejarah dan latar belakang lokasi-lokasi suci ini akan memberikan kesan yang lebih mendalam dalam pelaksanaan ibadah haji. Ini juga selaras dengan usaha DSSB untuk

Bengkel didik masyarakat tentang kaedah kitar semula plastik

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daud

Foto : Ihsan Awang Mohammad Khoirunnazhiim Mohd. Daud

TUTONG, Rabu, 28 Mei. - Seramai 30 orang yang terdiri daripada Penghulu, Ketua-ketua Kampung, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, ahli takmir masjid, penduduk-penduduk termasuk para belia dan beliawanis Mukim Kiudang Tutong pagi tadi menghadiri Bengkel Dari Plastik ke Minyak: Satu Langkah Kecil, yang berlangsung di kediaman Penghulu Mukim Kiudang, Tutong, di sini.

Bengkel disampaikan oleh Awang Mohammad Khoirunnazhiim bin Mohd. Daud.

Projek ini membawa pendekatan baharu bagi mendidik penduduk kampung untuk mengitar semula plastik menjadi *biodiesel* menggunakan kaedah mudah dan selamat.

Melalui bengkel yang dijalankan, Awang Mohammad Khoirunnazhiim mengajar penduduk kampung cara mengenal pasti jenis plastik yang sesuai, mengumpul, dan menukarnya kepada minyak menggunakan tong besi serta pemanasan tertutup.

Minyak yang dihasilkan boleh digunakan untuk tujuan tertentu termasuk kalis bumbung, bahan bakar lampu atau sebagai minyak bagi enjin diesel lama selepas ditapis.

Ia dilaksanakan dengan kerjasama Penghulu Mukim Kiudang, yang turut memberikan sokongan kuat terhadap usaha belia dalam menyumbang kepada pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan kampung dan penduduknya.

Bengkel antara lain diharap agar dapat membantu warga yang kurang berkemampuan untuk bangkit dan berusaha, tidak hanya mengharap bantuan dari mana-mana pihak.



ANTARA yang menghadiri Bengkel Dari Plastik ke Minyak: Satu Langkah Kecil, yang berlangsung di kediaman Penghulu Mukim Kiudang.

menyediakan bukan sahaja kemudahan fizikal yang terbaik, malah juga pengisian rohani yang bermakna".

DSSB kekal komited dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para jemaah

dengan memastikan setiap aktiviti yang dirancang berjalan secara teratur, selesa, dan penuh makna, demi membantu mereka menjalani ibadah haji dengan tenang, bersedia dan penuh keinsafan.



**UNIVERSITI ISLAM SULTAN
SHARIF ALI**

UNISSA / SB0015 / 2025 / 2026

To Supply and Deliver Research Equipments for UNISSA Research Grant Titled "Isolation And Molecular Characterization of Native Bacillus Thuringiensis Strains and Evaluating Their Insecticidal Activity Against Some Important Insect Pests in Brunei Darussalam" (Phase II)

UNISSA / SB0016 / 2025 / 2026

To Supply, Replace, Install and Repair Work of Lecture Theater Seating for Jubli Hall at Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0017 / 2025 / 2026

Membekal, Menghantar dan Memasang Rak Buku, Penutup Khas Rak Buku dan Label Rak Buku (Acrylic Standoff Signage) di Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0018 / 2025 / 2026

Membekal dan Menghantar Buku-Buku Rujukan (Fizikal & E-Book) bagi Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah (FUUSHB) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0019 / 2025 / 2026

To Supply and Deliver Research Equipment for UNISSA Research Grant Titled "Digital Mutawwif: Enhanced Guide and Spiritual Companion for Brunei's DIY Umrah Pilgrims"

UNISSA / SB0020 / 2025 / 2026

Mencetak dan Menghantar Sijil-Sijil Dan Folder-Folder bagi Keperluan Acara-Acara di Sepanjang HafI Al-Takharruj Ke-15 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2025

UNISSA / SB0021 / 2025 / 2026

To Supply and Deliver Recurring and Miscellaneous Items & To Supply, Deliver and Install Of Plastic Sheet for Herbs House, Faculty Of Agriculture (FOA) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0022 / 2025 / 2026

Mencetak dan Menghantar Bahan-Bahan Cetakan Sempena Majlis Mahrajan HafI Al-Takharruj Ke-15 dan Majlis HafI Al-Takharruj Ke-15 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2025

Tarikh Tutup Tawaran :
Rabu
18 Jun 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas:
IV & V sahaja

Kategori:
KA01 & KPB04 sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 020 / 2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal - Kerja-Kerja Pembaikan dan Pemeliharaan Paip-Paip Pembahagian dan Penghubung Bagi Kawasan Mukim Berakas 'A' Dan 'B' bagi 36 Bulan (Zon D2)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
3 Jun 2025 (Selasa)

Tarikh Tutup :
10 Jun 2025 (Selasa)

Tidak Lewat Dari Jam :
2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-



**JABATAN BANDARAN TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 04 / 2025-2026

Tajuk Tawaran:
Mengurus dan Mengendali Acara 'Tutongku Ceria', Pekan Tutong Secara Berkontrak Selama Dua (2) Tahun

**Tarikh Tutup
Tawaran:**
Rabu,
11 Jun 2025
Jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

Bilangan Sebut Harga:
KSSUP / BPK / JKSH / ADMIN / 2 / 2025-2026

Tajuk Sebut Harga:
Menyediakan Jamuan dan Membekalkan Kelengkapan bagi Acara Raptai dan Acara Brunei Darussalam Conference on Forest To Reef, Mid-Year Conference And Exhibition 2025 (MYCE 2025)

Tarikh Buka Sebut Harga:
17 Mei 2025, Sabtu

Tarikh Tutup Sebut Harga :
5 Jun 2025,
Khamis,
Jam 2.00 Petang

**Tarikh Taklimat (jika
berkenaan):**
Bermula 19 Mei 2025, Isnin,
Jam semasa waktu bekerja

Yuran Setiap Satu Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Pembayaran Adalah Secara
Dalam Talian**



**JABATAN BOMBA DAN
PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Iklan Tawaran

Tajuk Tawaran:
Replacement of Existing Fire Hydrant (Old Model / Damaged / Faulty) for Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JBDP / DFR / KHEDN / LTN / 005.12 / 25

Tender Fee:
BND100.00
(Satu Ratus Ringgit Sahaja)

**Tarikh Tutup
Tawaran:**
Selasa
24 Jun 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran:
RTB / 02 / 2025

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation, Configuration, Integration, Testing, Commissioning and Training of The Newsroom Computing System (NRCS) for Radio Television Brunei With Maintenance And Support Services

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
24 Jun 2025,
Selasa,
2.00 Petang



**PASUKAN POLIS
DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Iklan Tarikh Lanjutan

**T / 001 / RBPFF-HQ / 2025 –
INSURANS**

Skim Takaful Kemalangan Diri Berkelompok bagi Pegawai dan Anggota Pangkat Rendah Serta Pegawai dan Kakitangan Awam,



**JABATAN ALAM SEKITAR,
TAMAN DAN REKREASI
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam**

Kelas:
II & III

Kategori:
K01, B01, E01, E02 & E05

Tarikh Buka Tawaran pada :
26 Mei 2025 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
9 Jun 2025 (Isnin)

Tarikh Tutup Pada :
9 Jun 2025 (Isnin)
Sebelum jam 9.00 Pagi



**JABATAN PERHUTANAN
KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPH / 003 / SH / 2548 / 2025-2026

Projek Kontrak Memelihara Kawasan Taman Biodiversiti di Taman Rekreasi Hutan Berakas

Tarikh Tutup Sebut Harga:
3 Julai 2025
Khamis
2.00 Petang

**Dibukakan kepada
penender-penender yang
berdaftar di Kementerian
Pembangunan di dalam
Kelas II ke atas dan
Sub-Kategori S02 Perkhidmatan
Pembersihan serta sub-kategori
S03
Kerja-Kerja Pemeliharaan Tepi
Jalan**

**Borang Pendaftaran Syarikat
(Jika belum berdaftar):**
BND10.00
-Tidak Dikembalikan-

Borang Sebut Harga:
BND5.00
-Tidak Dikembalikan-



Pasukan Polis Diraja Brunei bagi Tempoh (3) Tahun

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa,
10 Jun 2025.

**(Ditutup di Tingkat 1,
Jabatan Alam Sekitar,
Taman dan Rekreasi, Bangunan
Tumasek Plaza, Jalan Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha, Bandar
Seri Begawan BA1910,
Negara Brunei Darussalam)**

JASTRE / QTN030 / 2025
Kerja-Kerja Naik Taraf di Pusat Pengumpulan Sisa, Daerah Brunei Muara.

No. Projek:
JASTRE / QTN30 / 2025

Jumlah Yuran Tawaran:
BND9.00
(Tidak dikembalikan)





UNIVERSITI BRUNEI
DARUSSALAM

Jawatan:
Pembantu Teknik Kanan

Tangga Gaji:
C.2 EB.3
(BND1,450 - BND2,270)

Kekosongan:
1 Orang

**Menghadapkan Borang
Permohonan
Bagi Pemohon Yang Tidak
Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah
melengkapkan permohonan
melalui pautan ini:

[https://tinyurl.com/Pembantu
TeknikKananUBD2025](https://tinyurl.com/PembantuTeknikKananUBD2025)

Hendaklah memuat naik salinan
sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV)
yang terkini dan

dokumen-dokumen yang
berkaitan. Borang permohonan
hendaklah diisikan dengan
lengkap tidak lewat 4 Jun 2025.

**Bagi Pemohon Yang
Berkhidmat Dengan Kerajaan**

Pemohon-pemohon hendaklah
melengkapkan permohonan
melalui pautan:

[https://tinyurl.com/Pembantu
TeknikKananUBD2025](https://tinyurl.com/PembantuTeknikKananUBD2025)

Hendaklah memuat naik salinan
sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV)
yang terkini dan

dokumen-dokumen yang
berkaitan. Permohonan hendaklah
diisikan dengan lengkap tidak
lewat 4 Jun 2025.

Pemohon-pemohon juga
dikehendaki untuk menghadapkan
salinan asal dokumen-dokumen
yang lengkap (melalui Ketua
Jabatan) seperti berikut:

- 1) Satu (1) Laporan Sulit
- 2) Salinan Prestasi bagi tempoh
3 tahun kebelakangan
(sekurang-kurangnya sangat
baik)
- 3) Satu (1) salinan rekod
perkhidmatan yang telah
dikemaskinikan

Kepada:

Pejabat Sumber Tenaga Manusia
Universiti Brunei Darussalam
Jalan Tungku Link, Gadong
BE1410

Negara Brunei Darussalam
[U.P: Bahagian Pengambilan]

Permohonan yang tidak
lengkap, tidak mengikut
tatacara yang ditetapkan
dan lewat diterima tidak akan
dilayan. Hanya

pemohon-pemohon yang
disenarai pendek (*shortlisted*)
sahaja akan dihubungi bagi
urusan temu duga.



JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

1. Bilangan Tawaran:
(23) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
To Supply and Install New
Conference System at Hassanal
Bolkiah National Stadium, Berakas

2. Bilangan Tawaran:
(24) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply, Delivery, Install and
Warranty for Sport Podiatry Clinic
Devices, SMRC

3. Bilangan Tawaran:
(25) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Cetak Dan Hantar Sampul Surat,
Letterhead Dan Fail Jabatan
Bagi Penambahan Stok Simpanan
Unit Pusat Stor,
Jabatan Belia Dan Sukan

4. Bilangan Tawaran:
(26) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Repair Works to Existing Gondola
Lifter (Motor and Control Panel)
Of LED Screen at Indoor
Stadium, Hassanal Bolkiah
National Sports Complex

5. Bilangan Tawaran:
(27) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Membekalkan Pasir Laut Yang
Sudah Bersih Bagi
Kompleks-Kompleks Di Bawah
Jabatan Belia Dan Sukan Di Ke
Empat-Empat Daerah

6. Bilangan Tawaran:
(28) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Membekalkan Baja Bagi
Kompleks-Kompleks, Pohon
Tanah Masak Dan Abuk Kayu
Bagi Pusat Belia,
Bandar Seri Begawan.
Jabatan Belia Dan Sukan

7. Bilangan Tawaran:
(29) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Lapik Meja Skirting Yang Berjahit
Bagi Pusat Belia,
Bandar Seri Begawan

8. Bilangan Tawaran:
(30) JBS / ADM / QC / 2025

Keterangan:
Supply, Delivery, Install,
Maintenance and Warranty for
Interferential + Ultrasound Combo
Therapy for Physiotherapy, Sport
Medicine and Research Centre

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
5 Jun 2025.



JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

Iklan Tarikh Lanjutan

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

**Jabatan Perkhidmatan
Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 014 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply and Delivery of Load
Gear Bearings Spare Parts For
Frame 5 Gas Turbines at DES
Power Station

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / JAN / 015 / 2025

Tajuk Tawaran:
Supply and Delivery of Spare
Parts For Frame 5 Gas Turbines
At SHOASSKW Power Station
Lumut

Yuran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Dilanjutkan:
10 Jun 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

Tempat Tutup :
"Tender Box"
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam.



Notis Tawaran

**Bilangan dan Tajuk
Tawaran:**
TUTB / LELONG / 2025-2026 / 01:
39 Buah CPU Pelbagai Jenis

Tarikh Mula:
20 Mei 2025,
Selasa.

**Tarikh Melihat, Mengambil
Dan Menghantar
Borang Tawaran (Waktu
Bekerja):**



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Nama Dokumen Sebut Harga:
Mencetak Sijil Dewan Bahasa
Dan Pustaka, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan Sebut Harga:
06 / DBP / SH / 2025-2026

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga:
10 Jun 2025

dan dialamatkan kepada:

**Pengerusi,
Jawatankuasa Sebut Harga
Tingkat 4, Bahagian
Pentadbiran dan Kewangan
Dewan Bahasa dan Pustaka
Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam**



JABATAN TANAH
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

**Sebut Harga / Tawaran Bagi
Perbekalan
Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan**

Bilangan:
02 / 2025-2026 (Retender)

Tajuk Tawaran :
Tawaran Kerja-Kerja
Pemeliharaan / Membaiki Peti
Besi Keselamatan (Heavyduty)
Yang Terdapat Di Jabatan Tanah,
Kementerian Pembangunan
(Retender)

Tarikh Tutup:
Selasa
3 Jun 2025
Jam 2.00 Petang



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
RTB / 03 / 2025

Tajuk Tawaran:
Subscription Of Leased Line Or
Dedicated Internet Access (DIA)
For Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:



BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
10 Jun 2025.
Selasa,
Jam 2.00 Petang.

20 Mei 2025 (Selasa) Hingga
3 Jun 2025 (Selasa)

Isnin Hingga Khamis:
8.30 Pagi Hingga 11.30 Pagi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

Sabtu:
8.30 Pagi Hingga 10.30 Pagi
1.30 Petang Hingga 3.00 Petang

**Tarikh Menghantar
Borang Tawaran Ke
Dalam Peti Tawaran:**
3 Jun 2025.
Sebelum Jam 12.00 Tengah Hari
(Selasa)
(Membuka Peti Tawaran)

Keterangan:
39 Buah CPU
Pelbagai Jenis

Bertempat:
Bilik Penyimpanan CEB-L3.02
(Tutorial Room 9)



**Harga borang adalah
BND5.00 sahaja dan
tidak dikembalikan dan
boleh didapati di laman
sesawang Universiti
Teknologi Brunei.
Untuk tempahan jadual
lawatan dan sebarang pertanyaan
boleh lah di e-mel kepada
[Hairulsyahmi_hamdan@utb.
edu.bn](mailto:Hairulsyahmi_hamdan@utb.edu.bn)**



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 453 / 2009

Baiduri Finance Berhad
(Previously Filed By HSBC
Finance (B) Berhad)
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Masli Bin Md Ali
(BYIC NO. 00-079342)
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang di buat
terhadap Penghutang berikut
pada **26 Ogos 2010 telah
dibatalkan pada 14 Disember
2023.**

Nama Penghutang:
Masli Bin Md Ali

Alamat Penghutang:
Lot No. 5557,
Kampung Lamunin,
Daerah Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
16 April 2025

Kes No.
BCY / CP / 215 / 2007

Baiduri Finance Berhad
(Previously Filed By HSBC
Finance (B) Berhad)
Pemiutang / Pemetisyen

Mohamad Yusde Bin Mohd Zain
[BYIC : 00-273362]
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **12 April 2025.**

Nama dan alamat Bankrap:
Mohamad Yusde Bin
Mohd Zain,
No. 35, Simpang 1185-73-109,
Kampung Perpindahan
Bukit Beruang,
Tutong,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
13 Januari 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang
yang boleh diperolehi di **Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi**
dengan seberapa yang boleh.
Semua hutang-hutang yang
seharusnya dibayar oleh Bankrap
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh:
21 April 2025

Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi

B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 199 / 2023

Abang Zuhaini Bin Abang Hj
Marzuki
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Muhammad Amzar Bin Haji
Azamain
BYIC No. 00-308188
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **29 September
2024.**

Nama dan alamat terakhir
diketahui:

Muhammad Amzar Bin Haji
Azamain
No. 16, Simpang 19-46,
Kampung Serusop, Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
4 April 2024

Semua sipiutang-sipiutang kepada
nama Penghutang yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
borang-borang bukti hutang yang
boleh diperolehi di **Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi** dengan
seberapa boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar kepada Penghutang
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat
Dua, Bangunan Mahkamah
Besar, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
16 April 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **29 September 2024.**

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-9),
Mahkamah Besar pada 13 Mei
2025 jam 11.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti
kamu mestilah diserahkan-simpan
kepada saya tidak lewat dari 24
jam sebelum waktu yang
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya
tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang telah
ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi
penghutang adalah ditetapkan
pada **13 Mei 2025 jam 11.30
Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan
bukti, atau wakil-wakilnya yang
diberi kuasa secara bertulis,
bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam
penghutang, mengenai dengan
hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh:
16 April 2025

Mohammad Marzuqi
Bin Sabtu
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Pegawai Penerima Resmi
Mahkamah Besar

Kes No.
BCY / CP / 31 / 2015

Baiduri Finance Berhad
Previously filed by HSBC
Finance (B) Berhad
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Haji Muhammad Adillah
Bin Haji Rosli
BYIC NO. 00-298355
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa
Perintah Penerimaan yang dibuat
terhadap Penghutang berikut
pada **8 September 2016 telah
dibatalkan pada 12 April 2025.**

Nama Penghutang:
Haji Muhammad Adillah Bin Haji
Rosli

Alamat Penghutang:
No. 5, Simpang 62,
Jalan Bebatik Kilanas,
Kampung Kilanas BF2320
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh:
21 April 2025

Kes No.
BCY / CP / 344 / 2017

Bank Islam Brunei Darussalam
Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Saiedah Binti Haji Aspar
BYIC NO. 00-321264
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **10 April 2025.**

Nama dan alamat Bankrap:
Saiedah Binti Haji Aspar
No. 17, Simpang 1185-73-193-62,
Kampong Bukit Beruang,
Tutong
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Permohonan:
11 Februari 2025

Semua diipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang
yang boleh diperolehi di **Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi** dengan
seberapa yang boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar oleh Bankrap tersebut di atas
hendaklah dihadapkan kepada
**Pegawai Penerima Rasmi,
Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.**

Tarikh:
21 April 2025

Kes No.
BCY / CP / 294 / 2019

BIBD AT-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Muhammad Adi Sabri Bin
Abdullah
BYIC NO. 00-302959
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **10 April 2025.**

Nama dan alamat Bankrap:
Muhammad Adi Sabri Bin
Abdullah
No. 321, Kampung Kapok,
Muara
BT 2328

atau

No. 1, Simpang 56,
Jalan Kebangsaan Lama
BC 4115
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
9 Januari 2025

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di **Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi** dengan
seberapa yang boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar oleh Bankrap tersebut di
atas hendaklah dihadapkan
kepada **Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.**

Tarikh:
21 April 2025

Kes No.
BCY / CP / 127 / 2021

BIBD At-Tamwil Berhad
Pemiutang / Pemetisyen

Fatin Nuramalina Binti
Abdullah Gending @
Kestina Anak Gending
BYIC NO. 00-294070
Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman
telah dibuat terhadap Penghutang
yang berikut pada **10 April 2025.**

Nama dan alamat Bankrap:
Fatin Nuramalina Binti Abdullah
Gending @ Kestina Anak Gending
No. 30, Simpang 1185-73-100,
Perpindahan Bukit Beruang,
Tutong.
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
15 Oktober 2024

Semua sipiutang-sipiutang kepada
Bankrap yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
Borang-Borang Bukti Hutang yang
boleh diperolehi di **Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi** dengan
seberapa yang boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar oleh Bankrap tersebut di
atas hendaklah dihadapkan
kepada **Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan
Mahkamah Besar, Bandar Seri
Begawan, Negara Brunei
Darussalam.**

Tarikh:
21 April 2025

Muhammad Syafiq Bin Awang
Haji Zakaria
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

Kes No.

BCY / CP / 168 / 2023

Chong Nyan Mee
Pemiutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mohammad Nasri Bin
Mohammad Nooh
BYIC No. 01-048118
Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah
dibuat terhadap Penghutang yang
berikut pada **17 Oktober 2024.**

Nama dan alamat terakhir
diketahui:

Mohammad Nasri Bin
Mohammad Nooh
No. 17, Spg. 284-22-2,
Tasek Garden Lambak Kanan,
BB1714,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen:
27 Mei 2024

Semua Sipiutang-sipiutang kepada
nama Penghutang yang tersebut di
atas hendaklah menghadapkan
borang-borang bukti hutang yang
boleh diperolehi di **Pejabat
Pegawai Penerima Rasmi** dengan
seberapa boleh. Semua
hutang-hutang yang seharusnya
dibayar kepada Penghutang
tersebut di atas hendaklah
dihadapkan kepada **Pegawai
Penerima Rasmi, Tingkat Dua,
Bangunan Mahkamah Besar,
Bandar Seri Begawan, Brunei
Darussalam.**

Bertarikh:
21 April 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk
Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan
bertarikh **17 Oktober 2024.**

Notis adalah dengan ini diberikan
bahawa satu perjumpaan
Pemiutang-pemiutang mengenai
perkara di atas akan diadakan di
**Pejabat Pegawai Penerima
Rasmi, Tingkat 2, Bilik (L2-8),
Mahkamah Besar pada 21 Mei
2025 jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu
mengundi disana bukti-bukti kamu
mestilah diserahkan-simpan kepada
saya tidak lewat dari 24 jam
sebelum waktu yang ditetapkan
bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan
di perjumpaan ini mestilah
diserah-simpan kepada saya tidak
lewat dari 24 jam sebelum waktu
yang telah ditetapkan bagi
perjumpaan ini. Pemeriksaan
awam bagi penghutang adalah
ditetapkan pada **21 Mei 2025 jam
9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang
yang telah menyerahkan
bukti, atau wakil-wakilnya yang
diberi kuasa secara bertulis,
bolehlah menyoal penghutang
semasa pemeriksaan awam
penghutang, mengenai dengan
hal-halnya dan juga sebab
kegagalannya.

Bertarikh:
21 April 2025

Kamaliah Fadhilah
Binti Haji Ibrahim
Timbalan Pegawai Penerima
Rasmi
B/P Pegawai Penerima Resmi
Mahkamah Besar

PEMENANG PERTANDINGAN HAFAZAN TERIMA HADIAH



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan



ANTARA peserta yang menyertai pertandingan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kegiatan Kerohanian, Jabatan Pendidikan Kokurikulum telah mengadakan Pertandingan Akhir Hafazan Surah-surah Pilihan Juz 30 bagi Sekolah-sekolah Rendah Senegara Tahun 2025H / 1446M bertempat di Dewan Kuliah, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang ialah Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais.

Pertandingan berkenaan dibuka kepada semua pelajar



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri dan atas).

sekolah rendah kerajaan dan swasta di seluruh negara, dengan setiap sekolah dibolehkan menghantar dua orang peserta bagi setiap kategori iaitu Kategori Lelaki dan Perempuan.

Pertandingan ini terdiri daripada dua peringkat iaitu Peringkat Saringan dan Peringkat Akhir.

Seramai 32 orang peserta lelaki dan 29 orang peserta perempuan telah bertanding di peringkat saringan dan lapan peserta dengan markah tertinggi daripada setiap kategori telah berjaya mara ke peringkat akhir.

Juara pertandingan bagi Kategori Lelaki disandang oleh Awang Ra'ess Khair bin Haji Kamaruzaman @ Ali dari Sekolah

Rendah Sinaut, Tutong, manakala naib juara dimenangi oleh Awang Mohammad Asyhar bin Haji Mohammad Yusra dari Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar dan tempat ketiga diberikan kepada Awang Ammar Haares bin Muhammad dari Sekolah Rendah Orang Kaya Besar Imas, Subok.

Sementara, johan bagi Kategori Perempuan dimenangi oleh Dayang Aliya Itsna Shafiyah binti Ulul Azmi dari Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar, diikuti dengan Dayang Nur Sarah Basyirah binti Mohammad Fikri dari Sekolah Al-Falaah, Ban 5 di tempat kedua dan Dayang Aleeya Maisarah binti Arjune dari Sekolah Alif Sdn. Bhd. di tempat ketiga.

ASEAN DSE 2025 perkasa kemahiran digital belia secara inklusif



ANTARA belia yang menyertai ASEAN Data Science Explorers 2025, yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam (atas dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

TUNGKU LINK, Rabu, 28 Mei. - Lebih 60 belia menyertai ASEAN Data Science Explorers (ASEAN DSE) 2025, yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam (UBD), sekali gus menonjolkan usaha berterusan universiti dalam memajukan pendidikan digital dan inklusif selaras dengan ASEAN dan agenda pembangunan global.

Acara berlangsung di Teater Kuliah 2, Bangunan Tambahan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah

Sa'adatul Bolkiah (PAPRSB IHS), dan disokong oleh Fakulti Teknologi Bersepadu (FIT).

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kemampanan), UBD, Dr. Awang Haji Abdul Hanif bin Dato Paduka Haji Mahadi.

Acara berkenaan menampilkan sesi secara langsung menggunakan SAP Analytics Cloud (SAC), di mana peserta belia diperkenalkan kepada asas analisis data

melalui latihan praktikal.

Dikendalikan oleh jurulatih bertauliah, Awang Muhammad Yusuf Ashraf bin Muhamad Yusran dan Dayang Aunizafirah Batrisyia binti Agus Zamri, sesi berkenaan bertujuan untuk mengukuhkan keupayaan peserta dalam pemikiran dipacu data, penyelesaian masalah, dan kemahiran analisis - alat penting dalam era transformasi digital.

Dekan Fakulti Teknologi Bersepadu (FIT), Dr. Dayang Juliana binti Haji Zaini

dalam ucapan alu-aluannya menekankan akan kepentingan sesi memperkasa, dengan menyatakan: "Program hari ini mewakili komitmen strategik untuk merapatkan jurang digital dengan melengkapkan golongan muda - termasuk mereka dari latar belakang yang kurang mendapat perkhidmatan - dengan alat yang mereka perlukan, untuk berkembang maju dalam ekonomi digital yang berkembang pesat. Ia merupakan demonstrasi yang

jelas tentang kuasa kerjasama antara institusi akademik, organisasi antarabangsa dan sektor swasta untuk melabur dalam generasi pemimpin ASEAN yang akan datang".

Program DSE ASEAN, kerjasama antara Yayasan ASEAN dan SAP, merupakan inisiatif utama serantau yang memperjuangkan pemeraksanaan belia dan akses digital inklusif.

Tahun ini, tumpuan diberikan kepada kumpulan yang memerlukan, seperti belia dari kawasan luar bandar dan latar belakang sosioekonomi yang lebih rendah, menekankan komitmen untuk merapatkan jurang digital di seluruh negara-negara Anggota ASEAN.

Sesi itu juga sejajar dengan komitmen UBD terhadap Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, khususnya dalam mempromosikan Pendidikan Berkualiti (SDG 4), Ketaksamaan Berkurangan (SDG 10), dan Kerja Layak dan Pertumbuhan Ekonomi (SDG 8).

Melalui acara seperti ini, UBD terus memacu inisiatif berkesan yang menyediakan belia untuk masa depan digital yang inklusif dan mampan.



PPNBD ADAKAN SOLAT SUNAT HAJAT, MEMBACA SURAH YAA SIIN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Ihsan Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam (PPNBD) telah mengadakan Majlis Solat Sunat Hajat, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Selamat berlangsung di Balai Ibadat PPNBD, di sini.

Majlis berkenaan khusus bagi mendoakan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin

Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, selaku Penaung Diraja (Royal Patron) PPNBD serta memohon kejayaan bagi rombongan kontinjen PPNBD yang menyertai Jamboree Nusantara Ke-3 di Kem Pengakap Tiku, Tawau, Sabah bermula hari ini sehingga 2 Jun 2025 hadapan.

TURUT hadir, Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, kemudian diikuti Solat Sunat Hajat, dan seterusnya diselajurkan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pesuruhjaya Bahagian Keagamaan, Ibu Pejabat PPNBD, Awang Haji Rosaimi bin Haji Othman.

Pada majlis berkebajikan berkenaan, tumpuan acara khas memohon doa bagi perlindungan, kesejahteraan dan kesihatan berpanjangan bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

WARGA pengakap daripada pelbagai peringkat hadir pada majlis berkenaan.

Darussalam, agar sentiasa dalam peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala, dilanjutkan usia, dikurniakan kekuatan dan taufik dalam memimpin negara serta meneruskan sokongan sebagai penaung kepada Gerakan Pengakap tanah air.

Turut hadir, Yang Dipertua PPNBD, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Abas; Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Awang Haji Junaidi bin Haji Hussain dan para Pesuruhjaya Daerah,

Penolong Pesuruhjaya, Pegawai Adult in Scouting, Pengakap Kelana, serta warga pengakap daripada pelbagai peringkat.

Majlis berkenaan menggambarkan semangat perpaduan dan ikatan spiritual yang erat dalam kalangan ahli pengakap, sebagai usaha bersama memohon keberkatan dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala untuk setiap perjuangan dan tanggungjawab yang digalas.



Pelajar Sekolah Menengah PIHM, PTEM raih Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi



HENGYI Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) semasa mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi Industries.

Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) mengadakan Majlis Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi Industries yang julung kalinya, bagi menghargai dan mengiktiraf pencapaian 15 pelajar cemerlang dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam (PIHM) dan Pusat Tingkatan Enam Meragang (PTEM).

Atur cara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dan taklimat

keselamatan.

Acara diteruskan dengan ucapan perasmian oleh Ketua Jabatan (Sumber Manusia) Hengyi Industries, Zhou Fu Zhen, diikuti dengan persembahan video yang mengetengahkan operasi Hengyi Industries dan inisiatifnya, termasuk program biasiswa dan kerjasama bersama Hengyi Industries.

Pada majlis itu, tujuh pelajar 'O' Level dari Sekolah Menengah PIHM dan lapan pelajar 'A' Level

dari PTEM menerima Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi Industries.

Setiap penerima menerima Sijil Kecemerlangan dan wang tunai BND300 sebagai pengiktirafan atas kerja keras, dedikasi dan prestasi akademik mereka yang luar biasa.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan lawatan tapak berpandu di sekitar kemudahan Hengyi Industries, memberikan pelajar gambaran langsung tentang operasi harian kilang penapisan itu.

Anugerah Kecemerlangan Akademik Hengyi Industries ialah inisiatif baharu di bawah Syarikat Hengyi Future-Ready, tonggak utama tanggungjawab sosial korporat syarikat, yang tertumpu kepada menyokong pertumbuhan dan pembangunan bakat tempatan di Negara Brunei Darussalam.

Anugerah ini bertujuan untuk mengiktiraf prestasi akademik yang cemerlang dalam kalangan pelajar menengah dan pra-universiti, dan menggalakkan pelajar mencapai potensi penuh mereka dan mempersiapkan mereka untuk

kerja yang bermakna dalam industri petrokimia.

Inisiatif ini juga menekankan komitmen berterusan kami untuk 'Kecemerlangan dalam Membangunkan Petrokimia dengan meneruskan Inovasi dan Kemampanan Perniagaan', dengan memupuk generasi baharu belia yang berkebolehan, didorong dan berpengetahuan yang akan menyumbang kepada pembangunan Brunei, baik dalam industri petrokimia dan seterusnya.

Melalui anugerah ini, Hengyi Industries juga berhasrat untuk menggalakkan pembelajaran berterusan dalam kalangan belia dan menyumbang kepada perjalanan negara ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035 untuk mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

27 pemenang kempen Big Win Progresif terima hadiah



Siaran Akhbar dan Foto : Progresif Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Mei. - Progresif Sdn. Bhd. menganjurkan majlis penyampaian hadiah bagi kempen Big Win yang menyaksikan seramai 27 pemenang bertuah menerima peranti terkini dan hadiah wang tunai termasuk hadiah utama BND15,000.

Kempen itu, yang berlangsung sehingga 1 Disember 2025, dan menyokong inisiatif pendaftaran semula SIM prabayar kebangsaan Brunei, menyaksikan lebih 35,000 penyertaan sejak pelancaran pada Januari.

Nama-nama diundi semasa sesi Instagram secara langsung pada 16 Mei lalu, diikuti dengan majlis penyampaian hadiah yang diadakan di cawangan Progresif The Mall pada 23 Mei.

Dalam ucapan perasmian, Ketua Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti

Haji Jaafar berkongsi: "Kempen ini adalah bagi meraikan mereka yang membentuk komuniti Progresif. Sama ada awda baru menyertai kami atau bersama kami selama bertahun-tahun - terima kasih kerana mempercayai apa yang kami bina. Kami baru bermula".

Majlis penyampaian hadiah mengikut format dinamik, di mana bagi setiap kategori hadiah, seorang penyampai ke atas pentas untuk mengundi nama pemenang dari kotak.

Lima nama pertama yang terundi akan menerima hadiah Tablet Samsung Galaxy, diikuti TV TCL, telefon Samsung A55, komputer riba MSI dan iPhone 16.

Momen yang paling dinanti-nantikan datang dengan pengumuman pemenang hadiah wang tunai termasuk tiga hadiah berupa wang tunai BND2,500, dua

KETUA Pegawai Eksekutif Progresif, Dayang Hajah Nurul Haniah binti Haji Jaafar menyampaikan hadiah kepada pemenang.

hadiah wang tunai BND5,000 dan satu hadiah utama wang tunai BND15,000.

Pemenang hadiah utama, Dayang Wan Norhaizazati binti Mohamad Irwan yang berjaya menerima hadiah wang tunai BND15,000, mengongsikan: "Saya tidak sangka saya boleh memenangi cabutan bertuah ini, terima kasih Progresif! Saya memberikan separuh daripada wang kemenangan ini kepada ibu saya sebagai hadiah Selamat Hari Ibu".

Awang Haji Jafrin bin Haji Mat Jahit, salah seorang pemenang hadiah wang tunai BND5,000, berkata: "Sejujurnya saya terkejut, tidak menjangkanya sama sekali! Percaya pada doa, rezeki, dan percayakan Progresif untuk merealisasikan impian awda. Saya membuat simpanan ke Tabung Haji, bezanya besar dalam membantu persiapan menunaikan ibadat haji / umrah, insyaaAllah. Ia juga datang pada masa yang sesuai, kerana kami merancang percutian keluarga ke Hong Kong semasa percutian sekolah bulan Jun".

Dayangku Qistina binti Pengiran Hassan, yang menerima hadiah wang tunai BND2,500, berkongsi: "Saya sedang makan malam bersama keluarga saya apabila mereka memberitahu saya memenangi cabutan bertuah dan berpeluang memenangi wang tunai BND15,000. Saya merancang untuk menggunakan hadiah itu untuk



berbelanja membawa keluarga saya makan atau penginapan".

Pemenang lain termasuk Awang Muhammad Salihin bin Md. Pauzi, penerima komputer riba MSI, yang mengimbas kembali: "Saya terkejut apabila saya mendapat panggilan telefon! Saya bersama Progresif sejak 2018, dan saya pasti akan menggunakan komputer riba ini untuk menyokong pembelajaran anak-anak saya".

Kempen Big Win diteruskan dengan pusingan kedua pada bulan Ogos dan cabutan terakhir pada

bulan Disember, menawarkan lebih banyak peluang untuk pelanggan menang.

Pelanggan dimasukkan secara automatik apabila mereka mendaftar semula SIM prabayar mereka, bertukar kepada Progresif atau mendaftar untuk sebarang pelan Pascabayar atau Tetap yang baharu.

Untuk mengetahui lebih lanjut atau menjadi sebahagian daripada pemenang cabutan seterusnya, lawati www.progresif.com atau ikuti @thatsprogresif di Instagram.



Jerawat di kepala, merimaskan

JERAWAT di kepala memang satu perkara yang sangat merimaskan malah kalau tersalah garu, boleh menyebabkan ia luka dan berdarah serta menyakitkan. Namun adakah awda tertanya-tanya, apa punca jerawat di kepala? Adakah ia tanda penyakit yang lebih serius? Selalunya, jerawat tumbuh di kawasan muka seperti dahi, dagu atau pipi.

Namun, itu tidak bermaksud jerawat tidak boleh tumbuh di kawasan lain, misalnya di kepala, belakang badan atau di mana-mana kawasan lain. Penggunaan produk yang betul merupakan kunci untuk mengelakkan jerawat di kepala.

Walau bagaimanapun, jika masalah jerawat di kulit kepala kerap berlaku dan boleh menimbulkan rasa rendah diri, jangan takut untuk berjumpa doktor bagi sesi konsultasi.

Punca jerawat di kepala

Liang pori yang tersumbat merupakan salah satu punca jerawat di kepala. Liang tersebut boleh tersumbat disebabkan oleh penggunaan produk seperti syampu, gel atau semburan rambut; jangkitan mikroorganisma seperti kulat, yis atau kutu dan terlalu banyak peluh, minyak atau sel-sel kulit mati yang berkumpul pada kulit kepala.

Selain itu, ia juga boleh berlaku disebabkan ketidakseimbangan hormon; geseran ketika memakai topi atau helmet; stres yang melampau; genetik dan juga sebagai kesan terhadap beberapa jenis ubat-ubatan.

Jika awda ingin berjumpa doktor untuk mendapatkan rawatan jerawat di kepala, pakar mungkin akan bertanya beberapa soalan berkenaan sejarah kesihatan.

Selain itu, doktor juga mungkin akan bertanya mengenai produk-produk yang awda gunakan setiap hari. Cara terbaik untuk kenal pasti produk manakah yang menyebabkan jerawat adalah dengan mencatatkan penggunaannya.

Jika awda mengalami kegatalan selepas memakai satu-satu produk, hentikan penggunaannya secepat mungkin. Sekiranya masalah jerawat itu berlaku secara tiba-tiba, pakar mungkin akan mencadangkan agar awda melakukan ujian darah untuk mengenal pasti masalah sebenar yang menyebabkan jerawat.

Cara hilangkan jerawat di belakang kepala

Langkah yang terbaik untuk mengurangkan jerawat di kulit kepala adalah dengan pemakaian syampu berubat. Syampu jenis ini boleh didapati melalui preskripsi doktor. Selalunya, produk tersebut mengandungi:

1. Asid salisilik : Bahan ini banyak digunakan untuk melawan jerawat.
2. Asid glikolik : Asid ini dapat membantu mengurangkan masalah pori tersumbat dan membuang sel-sel kulit mati, bakteria dan minyak.
3. Ketoconazole : Sejenis bahan antikulat yang digunakan untuk merawat masalah kulit

kepala bersisik.

4.

Ciclopirox : Bahan ini sering digunakan dalam syampu antikelelumur.

5. Benzoyl peroxide :

Ia sering digunakan sebagai bahan antibakteria, terutamanya untuk mengelakkan jangkitan bakteria Propionibacterium acnes yang mungkin menjadi punca jerawat di kepala.

Selain itu, sebagai petua hilangkan jerawat di kepala, pastikan awda menjaga kebersihan diri. Cuba basuh segala objek yang menyentuh kepala bagi mengurangkan jerawat sekali seminggu, misalnya sarung bantal; topi; tudung; alas tilam dan selimut.

Selain itu, jerawat di kepala juga boleh berpunca daripada pemakanan. Bagi mendapatkan kulit kepala yang sihat, makan lebih banyak buah-buahan dan sayur-sayuran. Vitamin yang baik untuk rambut adalah vitamin A, B3, B5, B7, B8, B12, C, D, E dan zinc. Kebanyakan vitamin ini boleh didapati dalam buah-buahan dan sayur-sayuran yang dijual di pasaran.

Bagaimanakah ia sembuh

Selepas menerima rawatan, ia mungkin memakan masa selama beberapa minggu sebelum sembuh sepenuhnya. Bagaimanapun, jerawat pada kulit kepala sepatutnya akan berkurangan selepas beberapa hari selepas memulakan rawatan.

Ikut nasihat doktor dan gunakan ubat-ubatan yang diberikan. Jangan sesekali guna semula produk lama yang boleh menyebabkan jerawat. Selain itu, elakkan kopek jerawat yang tumbuh pada kulit kepala. Jerawat yang pecah dan berair bukan sahaja boleh menyebabkan kesakitan, ia juga boleh membuatkan jangkitan merebak ke bahagian kepala yang lain.

Kadangkala, jerawat pada kulit kepala mungkin adalah tanda penyakit lain yang lebih serius. Jika awda sudah mengenal pasti punca jerawat di kepala dan mendapatkan rawatan yang selanjutnya, namun jerawat tidak juga sembuh-sembuh, pastikan awda berjumpa pakar untuk mendapatkan diagnosis yang berbeza.



PPDB PATAHKAN CUBAAN SELUDUP BARANG TEGAHAH

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei



TEMBURONG, Rabu, 28 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Bangar berjaya mematahkan cubaan membawa barang tegahan susulan aksi kejar-mengejar di

KENDERAAN suspek berjaya dipintas dan ditahan di kawasan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (kiri), manakala gambar kanan, beberapa bungkus plastik hitam yang mengandungi sejumlah besar barang tegahan.

kawasan Pekan Bangar, baru-baru ini. Dua suspek tempatan telah ditahan dan sejumlah besar rokok serta minuman keras telah dirampas.

Semasa menjalankan pemantauan di sekitar Pekan Bangar, pihak PPDB telah menjumpai sebuah kenderaan dalam keadaan mencurigakan.

Apabila diarahkan untuk berhenti, pemandu kenderaan tersebut tidak mematuhi arahan polis, mencetuskan aksi kejar-mengejar. Kenderaan suspek akhirnya berjaya dipintas dan ditahan di kawasan Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien.



Pemeriksaan lanjut ke atas kenderaan tersebut mendedahkan penemuan beberapa bungkus plastik hitam yang mengandungi sejumlah besar barang tegahan.

Hasil siasatan terperinci mengesahkan rampasan tersebut iaitu 300 karton rokok dan 480 tin minuman keras serta 12 botol minuman keras.

Dua suspek, seorang lelaki tempatan berusia 42 tahun dan seorang wanita tempatan berusia 40 tahun, telah ditahan berhubung kes ini.

Kesemua barang tegahan dan

kedua-dua suspek telah diserahkan kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) untuk siasatan dan tindakan lanjut.

PPDB ingin menggesa orang ramai untuk terus memberikan kerjasama dengan menyalurkan sebarang maklumat berkaitan aktiviti yang mencurigakan atau menyalahi undang-undang di negara ini. Maklumat boleh disalurkan melalui Talian Polis 993 atau melaporkan terus ke mana-mana balai polis berdekatan.

Kejadian kebakaran melibatkan 4 buah kereta



JABATAN Bomba dan Penyelamat (JBP) menerima panggilan kebakaran kereta di Letak Kereta Jalan Ong Sum Ping (atas dan bawah).

Siaran Akhbar : Jabatan Bomba dan Penyelamat
Foto : Foto Tular



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah menerima panggilan kebakaran kereta pada pukul 12.19 tengah hari bertempat di Letak Kereta Jalan Ong Sum Ping, hari ini.

Sebanyak dua buah jentera dari Balai Bomba Bandar Seri Begawan dan Balai Bomba Beribi telah dikerahkan ke tempat kejadian.

Ketika sampai di tempat kejadian, didapati api besar pada sebuah kereta lalu merebak ke tiga buah kereta yang berdekatan. Satu pasukan anggota bomba lengkap dengan memakai alat pernafasan bertindak memadam kebakaran dengan menggunakan satu jet hos.

Pada kejadian tersebut, tidak ada kecederaan dan kemalangan jiwa dilaporkan serta punca kebakaran masih dalam siasatan.



Warga asing dipenjara, sebat kerana cabul kehormatan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 28 Mei. - Seorang lelaki warganegara India, berumur 36 tahun dijatuhkan hukuman penjara selama 13 bulan dan satu kali sebatan kerana mencabul kehormatan seorang lelaki tempatan berusia 24 tahun.

Majistret Kanan, Dewi Norlelawati binti Haji Abd. Hamid menjatuhkan hukuman itu terhadap defendan, Mohamed Faisal Abdul Malick selepas defendan didapati bersalah melakukan perbuatan berkenaan pada 27 November 2024 di salah sebuah *mini mart*.

Defendan, disabitkan bersalah kerana mencabul kehormatan mangsa yang dikenali sebagai 'MR X' semasa mangsa pergi ke *mini mart* tersebut untuk membeli pemetik api dan mendapatkan surat khabar lama.

Berikutan kejadian tersebut, mangsa, 'MR X' berasa takut dan keliru terhadap apa yang telah berlaku dan apa yang perlu dilakukan. Setelah berbincang bersama dengan rakan-rakannya, 'MR X' terus membuat laporan polis yang membawa kepada penahanan defendan pada 4 Disember 2024.

Semasa siasatan polis, rakaman CCTV di *mini mart* tersebut telah diperolehi menunjukkan defendan melakukan perbuatan yang tidak senonoh tersebut. Semasa siasatan polis dijalankan, defendan mengaku melakukan perkara tersebut.

Dalam rekod, defendan tidak mempunyai sabitan terdahulu. Pendakwa di jalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Abdul Hanan bin Haji Erwan.



Merasa pengalaman di Tanah Suci melalui realiti maya

DALAM era digital masa kini, teknologi semakin berkembang dan memberi impak besar dalam pelbagai sektor kehidupan, termasuklah dalam bidang ibadah dan keagamaan. Di Negara Brunei Darussalam (NBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah menjadi pelopor dalam memperkenalkan satu bentuk inovasi keagamaan berasaskan teknologi iaitu Simulasi Haji menggunakan realiti maya (VR). Projek ini bukan sahaja bertujuan untuk membantu jemaah menyesuaikan diri dengan ibadah haji, tetapi juga meningkatkan kecergasan fizikal mereka sebelum berangkat ke Tanah Suci.

Inspirasi awal projek ini bermula sejak tahun 2005 oleh Dr. Dayang Hajah Tiawa binti Awang Haji Hamid dan Profesor Dr. Haji Abdul Hafidz bin Haji Omar semasa menjalankan penyelidikan awal yang berkaitan dengan Simulasi Haji di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Ketika itu, Simulasi Haji 2D digabungkan dengan treadmill diperkenalkan sebagai pendekatan awal dalam melatih stamina jemaah. Kini, di bawah bimbingan Dr. Dayang Hajah Tiawa di UNISSA, projek ini diteruskan oleh tiga pelajar Fakulti Teknologi Islam, Ma'sum bin Haji Isa, Nur Almira Ufairah binti Salim dan Dayangku Siti Syahirah binti Pengiran Idris dengan sokongan dana penyelidikan dari UNISSA dan kerjasama rapat bersama Profesor Dr. Haji Abdul Hafidz, seorang tokoh akademik yang banyak menyumbang dalam bidang kecergasan fizikal dan Simulasi Haji.

Simulasi ini telah berkembang daripada bentuk 2D kepada simulasi 3D yang lebih interaktif dan kini menggabungkan teknologi terkini seperti Kecerdasan Buatan (AI), pembelajaran mesin (ML), dan sensor data. Tujuannya adalah untuk membolehkan sistem menilai tahap keletihan, memantau kesihatan dan mengukur prestasi fizikal pengguna semasa menjalani latihan simulasi. Teknologi ini bukan sahaja memberi pengalaman seakan-akan kejadian sebenar, tetapi juga bertindak sebagai sistem latihan

fizikal yang menyeluruh.

Aspek kecergasan fizikal menjadi fokus utama kerana ia adalah cabaran kritikal yang dihadapi oleh ramai jemaah, terutamanya warga emas. Menurut kajian, 70 peratus daripada proses haji melibatkan aktiviti fizikal seperti berjalan kaki dalam cuaca panas, sai dan tawaf. Kurangnya persiapan fizikal boleh menyebabkan keletihan ekstrem, penyakit kardiovaskular dan peningkatan risiko kecederaan. Oleh itu, latihan awal yang mensimulasikan aktiviti-aktiviti ini secara maya memberikan kelebihan besar kepada jemaah dalam menyesuaikan diri dengan beban fizikal ibadah.

Secara teknikal, simulasi ini menggunakan persekitaran maya berskala besar yang dipaparkan di skrin, dengan pengguna berjalan di atas treadmill. Sistem mengesan pergerakan masa nyata, memberikan kesan seolah-olah pengguna sedang mengelilingi Kaabah. Tambahan pula, panduan audio, bacaan doa dan arahan langkah demi langkah turut dimasukkan untuk membimbing pengguna melaksanakan tawaf secara sah. Simulasi ini kini memasuki fasa baharu dengan penggunaan sistem Cave Automatic Virtual Environment (CAVE), yang membolehkan pengguna menyelami pengalaman secara nyata tanpa memerlukan penggunaan headset VR, sesuai untuk warga emas.

Kekuatan projek ini juga terletak pada pematuhannya kepada prinsip-prinsip Islam. Setiap pembangunan modul dan visual dirujuk kepada penerangan syaria di UNISSA, bagi memastikan ia selari dengan Maqasid Al-Shariah, khususnya dari aspek memelihara agama (*hifz al-din*) dan akal (*hifz al-aql*). Prinsip amanah ilmiah dan *taisir* (memudahkan ibadah) menjadi panduan utama.

Selain aspek teknikal dan keagamaan, projek ini juga menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya dalam aspek kesihatan dan kesejahteraan (Goal 3). Simulasi ini direka

Rencana dan Foto : Mohammed Marherman Hanaffi Haji Omar, penempatan mahasiswa dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei

untuk membantu mengekalkan kesihatan fizikal dan mental jemaah, serta menyediakan mereka dengan pengalaman yang lebih selamat dan terancang sebelum ke Tanah Suci.

Penglibatan pelajar dalam projek ini turut memberi nilai tambah dari sudut pendidikan. Ia menjadi platform pembelajaran aktif di mana pelajar dapat meneroka teknologi VR, AI, animasi 3D dan sistem pemantauan kesihatan. Ini sejajar dengan objektif Fakulti Teknologi Islam dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu agama tetapi juga mahir dalam teknologi kontemporari.

Antara ciri tambahan yang sedang dibangunkan termasuk simulasi jamarah, sai dan ihram. Modul-modul ini akan menggunakan teknologi pengesanan pergerakan untuk menilai ketepatan dalam melaksanakan ibadah seperti melontar batu, yang jika dilakukan secara tidak tepat boleh mengakibatkan dam. Ini merupakan langkah strategik ke arah menyediakan satu platform holistik untuk latihan ibadah haji dan umrah.

Respons awal daripada pengguna yang telah mencuba simulasi ini sangat positif. Ramai menyatakan bahawa mereka lebih yakin dan kurang cemas untuk menunaikan haji selepas menjalani latihan maya ini. Namun begitu, bimbingan awal masih diperlukan bagi pengguna baharu untuk memahami cara penggunaan sistem dengan betul.

Cabaran utama projek ini adalah dari segi kepakaran teknologi dan sumber kewangan bagi menaik taraf teknologi dan membolehkan projek ini terus berkembang. Secara praktikalnya, projek ini perlu dibangunkan secara berkumpulan yang terdiri daripada kumpulan pakar multidisiplin dan penglibatan pelajar yang bekerja dalam kumpulan. Projek ini telah menerima pengiktirafan dalam bentuk geran

penyelidikan UNISSA dan beberapa anugerah dalam pertandingan inovasi seperti CIPTA 2021, kertas penyelidikan dan persembahan terbaik di peringkat antarabangsa serta penerbitan buku.

Masa depan projek ini adalah sangat cerah. Pasukan berharap untuk memperkenalkan simulasi ini ke sekolah-sekolah, pusat latihan haji, dan pameran awam, bukan sahaja di NBD tetapi juga di peringkat antarabangsa. Ini akan menjadikan simulasi ini bukan sahaja sebagai alat pendidikan, tetapi juga sebagai medium dakwah yang moden dan berkesan.

Akhir sekali, mesej utama yang ingin disampaikan oleh pasukan projek ini ialah bahawa persediaan untuk haji bukan sekadar rohani, tetapi juga fizikal dan ilmiah. Dengan menggunakan teknologi yang patuh syariah, projek ini berpotensi besar untuk membantu umat Islam menunaikan ibadah dengan lebih yakin, tenang dan selamat.

Kesimpulan

Simulasi Haji 3D VR ini adalah bukti nyata bahawa teknologi moden boleh berperanan besar dalam memperkasa ibadah umat Islam, khususnya dalam mempersiapkan diri untuk menunaikan haji. Gabungan antara kecanggihan teknologi, pendekatan saintifik, dan asas nilai-nilai Islam menjadikan projek ini bukan sahaja relevan, tetapi sangat diperlukan dalam dunia hari ini. Ia membuka ruang untuk lebih banyak inovasi Islamik di masa hadapan yang menyeimbangkan antara kemajuan dan keberkatan. Dengan sokongan institusi, masyarakat dan pihak berautoriti agama, inisiatif seperti ini dapat terus diperkembangkan untuk manfaat ummah sejagat.



ABDB tonggak pertahanan negara

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Jabatan Penerangan

HARI ini genaplah 64 tahun usia Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Ia ditubuhkan pada 31 Mei 1961 yang ketika itu dikenali sebagai Askar Melayu Brunei. Empat tahun setelah itu, ia diberi gelaran Diraja maka dikenali sebagai Askar Melayu Diraja Brunei. Sejak 1 Januari 1984, iaitu apabila negara mencapai kemerdekaan, Askar Melayu Diraja Brunei diberi nama baharu iaitu ABDB.

Hari ini, di Pangkalan Muara, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB), berlangsungnya acara kemuncak Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB (HUT ABDB) Ke-64. Sambutan ini dilanjutkan esok, Ahad, 1 Jun 2025.

Acara sambutan yang dirancang selama dua hari menampilkan pelbagai pengisian menarik disusun khas untuk tatapan dan penyertaan orang ramai. Pada hari pertama, iaitu hari kemuncak, acara akan bermula seawal jam 7.30 pagi dengan acara Perbarisan Raksasa yang akan berlangsung di Padang Kawad TLDB, disusuli dengan pertunjukan Sailpast dan Terbang Lalu. Berapa kem khas turut disediakan bagi memudahkan orang ramai untuk menyaksikan acara dengan selesa dan teratur. Acara pada hari tersebut dijadualkan berakhir pada jam 5.00 petang. Manakala pada hari kedua pula, acara-acara akan diteruskan bermula dari jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 5.00 petang.

Melalui acara-acara menarik ini dapatlah kita melihat kesiapsiagaan dan kecekapan ABDB dalam menunaikan tanggungjawabnya terhadap ugama, raja, bangsa dan negara.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung beramai-ramai bersama keluarga bagi memeriahkan lagi suasana sambutan. Upacara Perbarisan Raksasa turut disiarkan secara langsung melalui saluran RTB Sukmaindera dan RTB Perdana serta secara dalam talian melalui RTBGo Live di laman sesawang www.rtbgo.bn dan juga melalui siaran radio di RTB Nasional dan RTB Pilihan.

Orang ramai bolehlah mengikuti akaun media sosial rasmi Kementerian Pertahanan di Instagram [@amindefbrunei](https://www.instagram.com/amindefbrunei) dan melayari laman sesawang rasmi di www.mindef.gov.bn bagi mengikuti maklumat lanjut dan perkembangan terkini mengenai sambutan ini.

Berkembang

ABDB terus berkembang dan ini dapat dilihat melalui struktur organisasi ABDB. Kini ABDB antara lain mengandungi Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Angkatan TLDB, Markas Angkatan Bersama ABDB dan lain-lain. Kesemua angkatan tentera ini memainkan peranan utama dalam mempertahankan kedaulatan raja bagi sama-sama mendukung warisan bangsa Melayu dengan berteraskan pegangan agama Islam yang unggul.

Ia menunjukkan tahap profesionalisme dan kepimpinan ABDB yang tinggi, di samping sentiasa berusaha ke arah menaik taraf anggota ABDB yang sedia ada dalam memastikan bahawa setiap anggota ABDB sentiasa dibekalkan dengan ilmu dalam usaha untuk menjaga keselamatan dan keharmonian negara.

Lebih enam dekad penubuhannya, ABDB terus berkembang dengan pesatnya. Antaranya penstrukturan unit Jentera Tempur menjadi Rejimen Jurutera (Engineer Regiment) TDDDB, pentauliahkan Kapal TLDB KDB AS-SIDDIQ dan KDB AL-FARUQ dan pengenalan aset baharu iaitu; Unmanned Underwater Vehicle (UUV).

Sementara itu, TUDB pula telah menerima dua buah daripada empat buah Pesawat Angkut C-295MW dan menerima pesawat helikopter tempur baharu bagi menggantikan Pesawat Bolkow BO-105. Selain itu, Markas Angkatan Bersama ABDB juga akan menaik taraf keupayaan sistem C4I-STARnya.

Antarabangsa

Penglibatan anggota ABDB di peringkat antarabangsa mencerminkan komitmen dan pengiktirafan yang tinggi dan mencerminkan hubungan erat dua hala. Pada 20 hingga 24 Mei 2025, Pesawat S-70i Black Hawk milik TUDB telah dipamerkan dalam Pameran Statik Udara LIMA'25 bertempat di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Langkawi, Malaysia. Pesawat tersebut dipamerkan bersama pesawat dari pelbagai negara lain seperti Amerika Syarikat, Rusia, Brazil, Jerman, Singapura, Indonesia, India, Austria, Republik Czech, Turki dan China. Ini mencerminkan hubungan erat Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan Malaysia serta mengukuhkan komitmen kementerian dan ABDB dalam pembangunan teknologi pertahanan dan keupayaan negara.

NBD terus menzahirkan komitmennya dalam menyokong usaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) ke arah mengekalkan keamanan dan keselamatan antarabangsa. Penyerahan pertama negara dalam operasi pengaman adalah pada tahun 1993 di bawah United Nations Transitional Authority in Cambodia (UNTAC), dan sejak tahun 2008, telah terus mengutuskan anggota ABDB ke United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL). NBD juga telah menjadi ahli United Nations Special Committee on Peacekeeping Operations (C34) sejak tahun 2017, yang mencerminkan komitmen berterusan negara terhadap usaha pengaman sejagat.

Sejak 2008, seramai 464 anggota telah terlibat dalam misi UNIFIL. Penglibatan berterusan ini memaparkan profesionalisme, kecekalan dan komitmen anggota ABDB, di samping memperkukuhkan peranan strategik NBD dalam diplomasi pertahanan antarabangsa. Ia juga memperkasakan martabat negara sebagai anggota masyarakat antarabangsa yang bertanggungjawab dan proaktif, komited terhadap usaha mempromosikan keselamatan serta kestabilan sejagat.

Pada awal tahun ini, Jumaat, 3 Januari 2025, satu Majlis Doa Kesyukuran bagi meraikan kepulangan 29 anggota ABDB yang telah menyertai misi pengaman Pasukan Interim PBB di Lubnan (UNIFIL) bersama Malaysian Battalion (MALBATT) 850-11 telah diadakan di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison. Kontinjen yang diketuai oleh Mejar Hafizi bin Sabli terdiri daripada tiga pegawai, 26 anggota lain-lain peringkat, termasuk dua anggota askar wanita, telah berjaya menamatkan penugasan selama 13 bulan dan selamat kembali ke NBD pada 14 Disember 2024. Perjalanan misi UNIFIL bagi Kontinjen MALBATT 850-11 kali ini penuh dengan pelbagai cabaran, dengan keadaan yang memerlukan langkah berjaga-jaga yang lebih teliti dalam memastikan keselamatan anggota dan kelancaran operasi. Selain itu, mengekalkan semangat dan moral anggota ABDB serta memastikan sokongan keluarga di tanah air turut menjadi aspek penting sepanjang penugasan.

Begitulah komitmen teguh NBD dalam memupuk keamanan dan kestabilan global selaras dengan Resolusi 1701 Majlis Keselamatan PBB (2006).

Pada Selasa, 6 Mei 2025, Akademi Pertahanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (AP ABDB) telah menerima lawatan rasmi daripada Mr. Prindon Sadriu, First Gentleman Republik Kosovo. Mr. Prindon Sadriu kemudiannya meneruskan lawatan ke beberapa fasiliti utama di akademi dan mengadakan interaksi bersama para peserta Kursus Maktab Turus dan Pusat Kepimpinan dan Pengurusan. Ini menunjukkan minat antarabangsa untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang kemajuan yang dicapai oleh ABDB.

Bantuan kemanusiaan

Pada Jumaat, 11 April 2025, pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menghantar bantuan kemanusiaan berupa bimbingan keperluan asasi ke Republik Kesatuan Myanmar susulan kejadian gempa bumi yang telah melanda negara tersebut pada 28 Mac 2025. NBD melalui ABDB, telah menzahirkan komitmen untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan ke Republik Kesatuan Myanmar melalui pengangkutan udara menggunakan sebuah pesawat angkut C295MW TUDB.

Sumbangan kemasyarakatan

ABDB telah mengadakan Majlis Penyerahan Projek Titian Amal pada Khamis, 24 April 2025, yang memberikan tumpuan kepada pembaikan Balai Ibadah Kampung Saba sempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-63. Majlis tersebut telah berlangsung di tapak Projek Titian Amal

bertempat di Balai Ibadah, Kampung Saba, Mukim Saba, Daerah Brunei dan Muara.

Projek Titian Amal ialah inisiatif tahunan aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan sempena Hari Ulang Tahun ABDB.

Projek ini mencerminkan dedikasi ABDB untuk mengukuhkan hubungan dengan masyarakat setempat dan mempromosikan kesejahteraan sosial melalui kesukarelawanan.

Di samping itu, inisiatif ini juga diharapkan dapat memupuk kerjasama antara anggota ABDB, agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak berkepentingan, dan penduduk tempatan dalam membuktikan komitmen berterusan ABDB terhadap kebajikan masyarakat dan perpaduan sosial.

Penghargaan

Pada Jumaat, 23 Mei 2025, seramai 500 anggota ABDB terdiri daripada anggota yang masih berkhidmat dan juga yang telah bersara telah diperkenankan untuk dikurniakan Pingat Kerja Lama dan Perangai Baik (Tentera).

Ini merupakan satu tanda pengiktirafan yang bermakna atas khidmat bakti yang setia, kelakuan yang terpuji, serta komitmen tinggi yang telah dipamerkan oleh para penerima di sepanjang tempoh perkhidmatan mereka. Dedikasi dan profesionalisme yang ditunjukkan oleh mereka mencerminkan nilai-nilai teras ABDB dan menjadi contoh teladan yang baik bagi seluruh anggota ABDB.

ABDB adalah tonggak pertahanan negara dan selaku tonggak, ia mesti berkeadaan sentiasa teguh dan kuat. Demikian peringatan yang pernah dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berangkat mengadakan Lawatan Kerja ke ABDB pada 26 September 2019.

Dengan usianya yang lebih enam dekad, dengan pencapaiannya dalam beberapa aspek, ia melambangkan kemajuan dan kematangan ABDB dalam mempertahankan ABDB sebagai institusi pertahanan, berkhidmat setia dalam memelihara kemakmuran negara dengan berteraskan nilai-nilai keagamaan selaras dengan Gagasan Angkatan 2035.

Orang awam hendaklah menghargai dan mendalami pengorbanan anggota tentera dan keluarga mereka tatkala kita bersenang-lenang menikmati pelbagai kemudahan dan kemewahan dalam negara tercinta. Janganlah kita hanya melihat tentera itu dalam keadaan senang seperti sedang berehat, tetapi lihatlah bagaimana sukarnya mereka ketika berada di hutan belantara, lautan luas dan langit membiru demi mempertahankan sempadan negara. Tanpa mereka, kita tidak mampu untuk merasai kesenangan dan kebebasan, malah tidak mampu untuk tidur dengan selesa tanpa perlu merasa bimbang dengan keadaan sekeliling.

Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun ABDB Ke-64 Tahun.



PESAWAT JEJU AIR TERKELUAR DARI LANDASAN DI VIET NAM, TIADA KECEDERAAN DILAPORKAN

SEOUL, 29 Mei. - Sebuah pesawat Jeju Air Co. yang membawa 183 penumpang dan enam kru dilaporkan terkeluar seketika dari landasan selepas mendarat di sebuah lapangan terbang di Viet Nam, namun tiada kecederaan dilaporkan, menurut syarikat penerbangan itu pada Khamis.

Menurut Agensi Berita Yonhap,

Penerbangan 7C2217 Jeju Air yang menggunakan pesawat B737-800 berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Incheon dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Da Nang kira-kira 12.50 tengah malam Rabu (waktu tempatan). Ketika sedang bergerak di atas

landasan, pesawat itu dilaporkan terkeluar seketika ke zon keselamatan di sebelah kanan landasan sebelum kembali ke laluan utama.

Satu daripada tayar pada gear pendaratan pesawat itu mengalami kerosakan dalam insiden berkenaan.

Jeju Air telah menggantikan tayar yang rosak selepas semua penumpang keluar dari pesawat dan menghantar sebuah pesawat gantian daripada model yang sama dari Korea Selatan untuk meneruskan penerbangan pulang, 7C2218, menurut syarikat itu.

Penerbangan pulang itu ditangguhkan lebih 14 jam dan berlepas dari Da Nang pada 4.08 petang Rabu, tambahnya.

Kementerian Pengangkutan Korea Selatan kini sedang menjalankan siasatan berhubung punca insiden pesawat terkeluar dari landasan itu. - ©BERNAMA

Bekas pakar bedah Perancis dipenjara 20 tahun atas 299 pertuduhan penderaan

PARIS, 28 Mei. - Seorang bekas pakar bedah Perancis dijatuhi hukuman penjara 20 tahun pada Rabu selepas mengaku mendera 299 pesakit, kebanyakannya kanak-kanak, lapor agensi berita Jerman dpa.

Dalam percakapan penderaan kanak-kanak terbesar di Perancis, Joel Le Scouarnec, 74, yang telah

bersara, mengaku mendera 158 pesakit lelaki dan 141 pesakit perempuan dengan purata umur 11 tahun antara 1989 hingga 2014.

Pendakwa raya menuduh tertuduh memperlakukan mangsanya seperti objek tidak bernyawa tanpa sebarang empati, sambil mengambil kesempatan

dari kedudukannya sebagai doktor.

Beliau sering melakukan penderaan ke atas pesakit yang masih di bawah kesan bius atau kanak-kanak yang tidak mampu mengenal pasti tindakan tersebut sebagai penderaan.

Kes itu mengejutkan Perancis dan menimbulkan persoalan

mengapa pihak berkuasa kesihatan tidak dapat menghentikan perbuatannya lebih awal memandangkan beliau

pernah dijatuhi hukuman penjara tertangguh pada 2005 kerana kesalahan pornografi kanak-kanak. - ©BERNAMA

Kementerian Hal Ehwal Islam Saudi agih lebih 2,400 buku pelbagai bahasa kepada jemaah haji

TAIF, 28 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Islam, Dakwah dan Bimbingan Arab Saudi melalui cawangannya di Mekah meneruskan usaha kesedaran bagi musim haji 1446 Hijrah dengan mengagihkan bahan pendidikan kepada para jemaah yang tiba di Wadi Mahram Miqat, Taif, lapor

Agensi Berita Saudi (SPA).

Pada 22 hingga 29 Zulkaedah, kementerian mengedarkan sebanyak 2,403 naskhah penerbitan dalam bahasa Arab, Urdu dan Bengali, bagi membantu jemaah pelbagai negara menunaikan ibadah mengikut panduan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Usaha itu merupakan sebahagian daripada peranan berterusan kementerian dalam menyediakan sokongan pendidikan pelbagai bahasa kepada jemaah haji, demi membolehkan mereka menyempurnakan ibadah dengan lebih mudah dan tenang. - ©BERNAMA

Pemangku Presiden Korea Selatan pengerusi Mesyuarat Kabinet terakhir sebelum pilihan raya

SEOUL, 28 Mei. - Pemangku Presiden Korea Selatan, Lee Ju-ho mengengerusi Mesyuarat Kabinet terakhir sebelum pilihan raya presiden yang dijadual berlangsung pada 3 Jun, sambil melahirkan rasa kesal kerana pentadbiran semasa terpaksa ditamatkan lebih awal selepas hanya tiga tahun, lapor Agensi Berita Yonhap.

Lee kini memegang tiga jawatan serentak sebagai Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pendidikan dan Pemangku Presiden sejak awal bulan ini, ketika negara bersiap sedia memilih pengganti kepada bekas Presiden Yoon Suk Yeol.

"Saya amat kesal kerana tugas pentadbiran yang dirancang untuk tempoh lima tahun terpaksa ditamatkan selepas tiga tahun tanpa sempat disempurnakan.

"Saya berharap (kerajaan baharu) akan mewarisi dan memperkembangkan pencapaian kami serta mengambil iktibar daripada kelemahan yang ada demi memimpin negara ke arah kemakmuran yang lebih baik," katanya semasa mesyuarat di Kompleks Kerajaan di Seoul.

Lee turut mengetengahkan usaha pentadbiran terdahulu di bawah Yoon dalam melaksanakan reformasi sistem pencen negara, penjagaan kesihatan, pendidikan dan buruh.

Beliau secara khusus menekankan sumbangan pentadbiran itu dalam melaksanakan reformasi pencen pertama dalam tempoh 18 tahun, serta peningkatan kadar kelahiran, eksport dan pelaburan langsung asing.

"Namun begitu, rakyat pastinya akan menilai bahawa kami masih jauh daripada memuaskan.

"Kita mesti menerima teguran dan kritikan secara rendah hati terhadap kelemahan yang ada," katanya. - ©BERNAMA

Roket Starship milik SpaceX meletup semasa ujian penerbangan kesembilan

WASHINGTON, 28 Mei. - Roket Starship milik SpaceX meletup ketika menjalani penerbangan ujian kesembilan pada Selasa, meneruskan cabaran syarikat Elon Musk yang berusaha meraih kejayaan selepas dua kegagalan misi awal tahun ini, menurut Anadolu Ajansi.

"Seolah-olah ujian penerbangan ini belum cukup mendebarakan, Starship mengalami kegagalan

struktur secara tiba-tiba atau *rapid unscheduled disassembly*. Pasukan kami akan terus meneliti data dan bersedia untuk ujian penerbangan seterusnya.

"Dalam ujian seperti ini, kejayaan diukur melalui pelajaran yang diperolehi dan ujian hari ini akan membantu kami meningkatkan kebolehpercayaan Starship," kata SpaceX dalam kenyataan di platform X.

Roket setinggi 400 kaki itu berlepas pada 7.37 malam waktu Timur (2337GMT) dari tapak pelancaran SpaceX Starbase di Boca Chica, Texas, selepas mendapat kelulusan Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA).

Ujian itu dijalankan susulan penambahbaikan yang dibuat selepas kegagalan peringkat atas roket pada Januari dan Mac lalu. - ©BERNAMA

Indonesia, Perancis akan tandatangani surat hasrat pertahanan sempena lawatan Macron

JAKARTA, 28 Mei. - Indonesia dan Perancis akan memperkukuh hubungan strategik pertahanan mereka menerusi pemeteraian Surat Hasrat (LoI) semasa lawatan rasmi Presiden Perancis, Emmanuel Macron ke Jakarta pada Rabu (28 Mei), menurut pegawai.

Perjanjian itu bertujuan memperluas kerjasama dalam bidang pertahanan, khususnya dalam sistem senjata strategik, kata Menteri Pertahanan Indonesia, Sjafrie Sjamsoeddin dalam satu kenyataan selepas

menyambut ketibaan Macron dan Wanita Pertama, Brigitte Macron.

"Kami akan meningkatkan kerjasama pertahanan, terutamanya dalam peralatan pertahanan strategik," kata Sjafrie.

Sebagai sebahagian daripada lawatan selama tiga hari yang berakhir Khamis, Macron dijadualkan mengunjungi Akademi Tentera di Magelang, Jawa Tengah dan meninjau kemudahan latihan bahasa Perancis untuk anggota tentera Indonesia.

"Beliau akan melawat makmal bahasa Perancis yang digunakan

oleh tentera, pegawai dan pegawai tidak bertauliah dari Angkatan Tentera Nasional Indonesia (TNI). Ramai daripada mereka sudah fasih," kata Sjafrie.

Pesawat yang membawa Macron mendarat di Jakarta sekitar 10 pagi waktu tempatan pada Selasa.

Lawatan itu menandakan usaha berterusan untuk mempertingkatkan hubungan dua hala dalam sektor strategik utama, dengan kerjasama pertahanan menjadi agenda utama. - ©BERNAMA

Yang Di-Pertuan Agong Malaysia bakal lakukan lawatan pertama ke Rusia pada Ogos

MOSCOW, 27 Mei. - Yang di-Pertuan Agong Malaysia Sultan Ibrahim bakal mengadakan lawatan rasmi pertama ke Rusia pada Ogos ini, kata Timbalan Yang Dipertua Dewan Negara, Senator Datuk Nur Jazlan Mohamed pada Selasa, lapor Sputnik/RIA Novosti.

"InsyaaAllah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia akan melawat Rusia pada Ogos," kata Datuk Nur Jazlan Mohamed dalam pertemuan bersama Senator Kanan Rusia bagi Hal Ehwal Luar, Grigory Karasin.

Beliau turut memaklumkan bahawa Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Fadillah Yusof, yang bertanggungjawab dalam bidang tenaga dan sumber air, juga bakal melawat Rusia pada akhir Jun. - ©BERNAMA

WANITA KEMBOJA BANGKIT CEBURI PASARAN GLOBAL PRODUK PERIKANAN



PHNOM PENH, 30 Mei. - Wanita Kemboja semakin menonjol dalam sektor produk perikanan, mengubah peranan mereka daripada pengeluar tradisional kepada pemain utama dalam pasaran global.

Usahawan wanita yang berdaya usaha menguasai sekurang-kurangnya 60 peratus daripada perusahaan tidak formal berskala mikro dan kecil, kini meningkatkan kemahiran pemprosesan lepas tuai mereka dalam sektor perikanan untuk menembusi pasaran berstatus tinggi.

Projek pembangunan perikanan lepas tuai CAPFISH-Capture anjuran Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNIDO) membantu wanita Kemboja meningkatkan kemahiran mereka, beralih daripada teknik pemprosesan ikan yang lapuk kepada piawaian diiktiraf dunia.

"Kami menyokong lebih 51 perusahaan perikanan dan pihak dalam rantaian nilai dalam menaik taraf perniagaan mereka. Daripada jumlah itu, sebanyak 35 perusahaan itu diterajui oleh wanita dan tiga oleh orang kurang upaya.

"Kami kini menghubungkan mereka dengan pembeli global dari EU (Kesatuan Eropah). Beberapa perusahaan telah mula mengeksport ke China, Korea

Selatan dan Australia," kata Ketua Penasihat Teknikal CAPFISH-Capture UNIDO, Dr. Shetty Seetharama Thombathu kepada Bernama.

CAPFISH-Capture ialah projek lima tahun yang dibiayai bersama oleh Kesatuan Eropah dan dilaksanakan oleh UNIDO dengan penyelarasan Pentadbiran Perikanan Kemboja.

Perikanan merupakan nadi penting ekonomi Kemboja. Kira-kira enam juta orang bekerja secara langsung dan tidak langsung dalam sektor perikanan domestik. Aktiviti perikanan lepas tuai sahaja dianggarkan menggaji 33,000 pekerja, majoritinya adalah wanita.

Ikan kekal sebagai makanan ruji rakyat Kemboja dengan penggunaan ikan per kapita mereka ialah sebanyak 54 kilogram - antara yang tertinggi dalam kalangan negara ASEAN.

Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Kemboja mendedahkan bahawa jumlah pengeluaran perikanan dan akuakultur mencecah 926,936 tan metrik pada tahun lepas.

Produk perikanan buatan tempatan seperti sos ikan, pekasam, bebola ikan dan ikan salai dihasilkan secara meluas, namun jarang diekspor kerana kekurangan nilai tambah dan pematuhan piawaian keselamatan

makanan.

Menurut UNIDO, daya saing Kemboja yang rendah dari segi nilai tambah menyukarkan produk tempatan bersaing di pasaran domestik yang dibanjiri produk import dan pada masa sama gagal menembusi pasaran serantau atau global.

Projek CAPFISH-Capture bertindak menggiatkan semula sektor berpotensi tinggi itu agar mampu bersaing dengan pengeksport antarabangsa berkualiti tinggi dengan melengkapkan pengeluaran tempatan dengan teknik moden.

"Matlamat utama adalah untuk meningkatkan daya saing produk perikanan bagi mempromosikan perdagangan domestik dan eksport, serta melindungi kesihatan awam dengan memastikan produk perikanan yang selamat dan berkualiti tinggi untuk pengguna.

"Kami mengusahakan pelbagai isu dan elemen dalam rantaian nilai seperti tadbir urus, keselamatan makanan, pembangunan kapasiti dan kemahiran, pemasaran dan penjenamaan, akses kepada pembiayaan, penyelidikan dan pembangunan, pemeraksanaan jantina, serta daya tahan terhadap alam sekitar dan iklim," kata Shetty.

Kejayaan baharu Kemboja kini melangkaui sempadan. Negara

jiran seperti Indonesia dan Filipina yang turut bergantung kepada industri perikanan dalam ekonomi mereka, telah mengiktiraf projek CAPFISH-Capture.

Sementara itu, Mesir, Chile dan Kyrgyzstan telah menyatakan minat untuk mencontohi model latihan UNIDO.

"Menyenaraikan Kemboja sebagai negara yang layak mengeksport ke EU adalah matlamat utama kami. Kami telah memenuhi semua keperluan keselamatan makanan EU dan kini bersedia untuk diaudit oleh DG

SANTE (Direktorat Agung Kesihatan dan Keselamatan Makanan Suruhanjaya Eropah)," kata Shetty.

Wanita Kemboja kini menyerlah dalam pekerjaan yang sebelum ini sering diabaikan kerana kerja berat dan bergaji rendah. Namun, nasib mereka kini mula berubah. - ©BERNAMA

Rumah Putih : Tarif Trump sah di sisi undang-undang

WASHINGTON, 30 Mei. - Rumah Putih pada Khamis mempertahankan tarif global meluas yang dilaksanakan oleh Presiden Donald Trump sebagai sah di sisi undang-undang selepas panel tiga hakim sebalut suara memutuskan bahawa beliau telah melampaui kuasanya apabila mengisytiharkan darurat untuk melaksanakan tarif perdagangan global.

Kekalahan undang-undang itu disusuli satu lagi keputusan mahkamah beberapa jam kemudian pada Khamis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Jurucakap Karoline Leavitt berkata hakim yang mengeluarkan keputusan pertama menyalahgunakan kuasa kehakiman mereka secara terang-terangan apabila membatalkan tarif berkenaan.

Menurut Leavitt, para hakim itu gagal mengakui bahawa Presiden Amerika Syarikat mempunyai kuasa teras dalam hal ehwal luar negara serta kuasa yang diberikan oleh Kongres untuk melindungi ekonomi dan keselamatan negara.

"Amerika Syarikat mengalami defisit perdagangan barangan setiap tahun sejak 1975. Pada 2024, defisit perdagangan barangan kami melebihi AS\$1 trilion. Semua orang bersetuju bahawa keadaan ini tidak boleh diterima," katanya kepada pemberita.

"Rasional presiden untuk mengenakan tarif yang tegas ini adalah sah di sisi undang-undang dan berasaskan pertimbangan yang munasabah. Presiden Trump percaya bahawa Amerika tidak boleh berfungsi dengan selamat dalam jangka panjang jika kita gagal meningkatkan kapasiti pembuatan domestik yang maju," tambahnya.

Panel tiga hakim mahkamah perdagangan pada Rabu memutuskan bahawa Trump tidak mempunyai kuasa sewajarnya di bawah Akta Kuasa Ekonomi Darurat Antarabangsa (IEEPA) untuk melaksanakan tarif global pada 2 April, apabila beliau mengenakan duti import yang tinggi ke atas negara-negara di seluruh dunia.

Trump merujuk kepada IEEPA ketika memulakan pelaksanaan tarif berkenaan, menyatakan tindakannya bertujuan menangani penyeludupan fentanyl ke Amerika Syarikat dan membetulkan ketidakseimbangan perdagangan.

Pentadbiran Trump telah memfailkan rayuan terhadap keputusan itu, namun satu lagi keputusan pada Khamis oleh Hakim Daerah Amerika Syarikat, Rudolph Contreras, turut menyekat tarif berkenaan. - ©BERNAMA

Menteri Pertahanan sertai Dialog Shangri-La Ke-22 di Singapura

SINGAPURA, 30 Mei. - Menteri Pertahanan Malaysia, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin tiba di Singapura pada Jumaat untuk menghadiri Dialog Shangri-La Ke-22 (SLD).

Menerusi hantaran di Instagram, Datuk Seri Mohamed Khaled berkata dalam rangka lawatan kerja tiga hari, beliau dijadualkan mengadakan pertemuan dan mesyuarat bersama rakan sejawat, termasuk dari Amerika Syarikat, Sweden, Perancis, Jepun, Australia dan Ukraine.

Beliau juga dijadualkan mengadakan pertemuan dan mesyuarat bersama Menteri Pertahanan baharu Singapura, Chan Chun Sing.

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Anwar Ibrahim akan menyampaikan perutusan khas di SLD pada Sabtu.

Mohamed Khaled dijadualkan untuk mengiringi Perdana Menteri ke pertemuan bersama Presiden Singapura, Tharman Shanmugaratnam di Istana.

Turut sama dalam lawatan itu ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertahanan, Mohd. Yani Daud, Ketua Eksekutif Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MiDAS), Lt. Jen. Datuk Seri Muhammad Huzaimi Sabri dan Asisten Ketua Staf Operasi Latihan Pertahanan, Bahagian Operasi Latihan Pertahanan Markas Angkatan Tentera Malaysia, Mej. Jen. Datuk Zahari Mohd. Ariffin.

SLD, dihoskan Singapura merupakan persidangan utama pertahanan dan keselamatan di rantau Asia-Pasifik.

Tahun ini, persidangan itu akan disertai 47 negara, termasuk 40 perwakilan peringkat Menteri, 20 ketua angkatan tentera, lebih 20 pegawai kanan pertahanan serta tokoh akademik terkemuka. - ©BERNAMA

6 pekerja maut, ramai dikhuatiri hilang, insiden tanah runtuh di tapak lombong Jawa Barat

JAKARTA, 30 Mei. - Sekurang-kurangnya enam pekerja maut dan 12 lagi cedera dalam kejadian tanah runtuh di sebuah tapak perlombongan mineral di Gunung Kuda, Cirebon, Jawa Barat, dengan puluhan lagi dikhuatiri hilang, menurut pihak berkuasa pada Jumaat.

Ketua Polis Cirebon, Pesuruhjaya Sumarni berkata tragedi itu berlaku sekitar 9.30 pagi waktu tempatan, kira-kira satu kilometer dari kawasan penempatan berhampiran.

"Sebahagian cerun bukit runtuh, menghempap para pekerja dengan timbunan tanah dan runtuhan," katanya kepada penyiar tempatan Metro TV.

Pasukan kecemasan sedang

bertungkus-lumus mencari mangsa yang terselamat, namun usaha menyelamat terhalang akibat keadaan tanah yang tidak stabil dan timbunan runtuhan yang berat.

"Kami menggerakkan jentera berat dan menambah anggota bagi mempercepat proses pemindahan mangsa," kata Ketua Agensi Pengurusan Bencana Daerah (BPBD) Cirebon, Deni Nurcahaya sambil menambah bahawa punca kejadian masih dalam siasatan.

Pihak berkuasa belum mengesahkan jumlah sebenar mangsa yang hilang. Anggaran awal menunjukkan beberapa dozen pekerja berada di lokasi kejadian bersama

jentolak dan lori ketika tanah runtuh berlaku.

Rakaman oleh Metro TV menunjukkan kawasan cerun dengan rekahan besar, manakala jentolak kelihatan menggali timbunan runtuhan ketika pasukan penyelamat menyelaras operasi di kaki bukit.

Tanah runtuh merupakan kejadian biasa di Indonesia, terutama di kawasan perlombongan yang tidak dikawal selia dengan baik sehingga menjejaskan kestabilan tanah.

Kejadian serupa pernah berlaku di tapak sama pada Februari tahun ini, namun tiada kematian dilaporkan secara rasmi. - ©BERNAMA

Penduduk Taman Agropolitan berdepan ancaman beruang matahari

GUA MUSANG, 30 Mei. - Kira-kira 3,000 penduduk Taman Agropolitan, Rantau Manis di sini diselubungi ketakutan untuk menjalankan aktiviti harian selepas seekor beruang matahari dewasa dilihat berkeliaran di kawasan itu sehingga merosakkan tanaman dan ternakan.

Penduduk, Siti Aminah Zakaria, 44, berkata beliau melihat haiwan tersebut cuba mendapatkan buah nangka daripada pokok di hadapan rumahnya dari jarak kira-kira tiga meter.

"Mula-mula saya nampak haiwan yang berketinggian kira-kira satu meter ini sedang menghampiri pokok nangka pada kelmari, lebih kurang 6 petang, anak saya ketika itu berada di luar rumah turut berasa terkejut dan menjerit sebelum mendapatkan saya.

"Semalam pula secara tiba-tiba muncul di parkir kereta rumah

jiran saya kira-kira 11 pagi. Jiran yang ketika itu sedang menjemur pakaian terperanjat sebelum lari masuk ke dalam rumah," katanya ketika ditemui pemberita di Taman Agropolitan, Rantau Manis, di sini hari ini.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Syawal Imran Abdul Rahim, 17, pula berkata dia juga pernah melihat kelibat beruang itu dua hari lepas yang sedang menggali busut anai-anai berdekatan rumah penduduk.

"Saya terus merakam aksi haiwan tersebut dan menghantarnya ke dalam Whatsapp perumahan untuk memberi peringatan kepada semua penduduk berhampiran," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Taman (JKKT) Taman Agropolitan, Roslee Ibrahim, 51, berkata beruang berkenaan mula berkeliaran di

kawasan perumahan Fasa 1, Taman Agropolitan, Rantau Manis kira-kira tiga bulan lepas sebelum muncul di kawasan Kampung 10 di sini, dua minggu lepas.

"Selain berdepan kerugian, penduduk juga risau tentang ancaman keselamatan setelah melihat kesan cakaran kuku beruang ini yang terdapat pada batang pokok.

"Kami bimbang beruang berkenaan akan semakin berani menghampiri dan memasuki rumah penduduk," katanya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Nenggiri, Mohd. Azmawi Fikri Abdul Ghani memaklumkan bahawa laporan mengenai hal itu telah dibuat kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan).

"Kita harap tindakan pencegahan termasuk pemasangan perangkap dapat dilakukan segera untuk memberi jaminan keselamatan kepada penduduk," katanya. - ©BERNAMA



PASUKAN RANDOM JUARA PERTANDINGAN BOLA JARING



ANTARA aksi pasukan pada Pertandingan Bola Jaring anjuran TMC 2.0 bagi Tahun 2025 di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas (kiri dan kanan).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Jumaat, 30 Mei. - Pasukan Random menjuarai Pertandingan Bola Jaring anjuran TMC 2.0 bagi Tahun 2025 yang berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah,

Berakas, di sini. Manakala tempat kedua disandang oleh Pasukan FLT diikuti tempat ketiga ialah Pasukan T-Ranger.

Sebanyak lapan pasukan mengambil bahagian dalam

pertandingan yang dikelolakan oleh TMC buat kali kedua. Pasukan terdiri daripada Mixed Squad, Delima Vixen, FLT, Angels, T-Rangers, Velocity, Random dan Ahiss.

Sebagai salah satu aktiviti sukan TMC, pertandingan tersebut juga sebagai tanda penghargaan kepada

pemain-pemain bola jaring yang telah memberikan sokongan kepada penganjur dalam setiap pertandingan.

Selain itu, pertandingan diadakan bertujuan untuk menanam semangat kekitaan dan kecemerlangan dalam sukan sekali gus mengeratkan hubungan silaturahim, bersatu

padu, setia kawan dan memberikan keyakinan dalam kalangan pemain.

Di samping, ia juga dapat meningkatkan lagi kualiti permainan para pasukan serta memberi peluang kepada para pemain baharu untuk ikut serta dalam sukan tersebut.

Terbuka Singapura : Jun Hao cipta sensasi, singkir Jonatan Christie

SINGAPURA, 29 Mei. - Pemain perseorangan lelaki negara, Leong Jun Hao mencipta kejutan besar apabila menumbangkan pemain nombor lima dunia dari Republik Indonesia, Jonatan Christie, sekali gus melangkah ke suku akhir Kejohanan Badminton Terbuka Singapura 2024.

Dalam aksi penuh semangat di Stadium Tertutup Singapura hari ini, Jun Hao yang berada dalam keadaan kurang sihat tetap mempamerkan semangat juang tinggi untuk menang straight set 21-16, 21-19 dalam tempoh 53 minit.

"Sejak tiba di Republik Singapura, saya memang rasa kurang sihat. Keadaan ini sedikit sebanyak mengganggu rentak permainan, tetapi saya tetap fokus dan tidak mudah mengalah," katanya kepada Bernama.

Jun Hao yang menghuni ranking ke-25 dunia mara ke pusingan kedua secara percuma selepas menerima 'walkover'

pada pusingan pertama.

Mengulas lanjut perlawanan itu, Jun Hao berkata beliau cuba menyesuaikan diri secepat mungkin dengan keadaan gelanggang serta tidak tergugat walaupun Jonatan cuba bangkit dengan corak permainan lebih agresif pada set kedua.

"Dia ubah taktikal, tapi saya dapat bertahan dan kekalkan momentum hingga ke penghujung," katanya.

Kemenangan itu merupakan kali ketiga buat Jun Hao dalam lima pertemuan dengan Jonatan dan lebih manis, ia menyaksikan beliau layak ke suku akhir buat pertama kali musim ini selepas hanya mampu mara ke pusingan kedua di Terbuka India pada Januari dan Terbuka Swiss Mac lalu.

Jun Hao, satu-satunya wakil negara dalam acara perseorangan lelaki kejohanan bertaraf Super 750 itu, kini berazam untuk terus memperbaiki prestasi

demi melakar kejayaan lebih cemerlang.

"Sejak tahun lepas, prestasi saya tidak konsisten. Jadi mulai sekarang, saya mahu berikan yang terbaik," katanya.

Beliau dijadual bertemu pilihan kedua kejohanan yang juga pemain nombor dua

dunia dari Thailand, Kunlavut Vitidsarn dalam aksi suku akhir esok.

Kunlavut, juara Terbuka Thailand, dua minggu lepas, sebelum itu menewaskan pemain China, Wang Zheng Xing 21-8, 21-17. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

DUA orang wanita adalah di antara dua puluh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang mengikuti Malaysia Battalion 4 (MALBATT 4) di bawah misi United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) telah selamat kembali ke tanah air selepas menamatkan penugasan menjaga keamanan dan kestabilan di Lubnan. Ini merupakan penghantaran kali pertama buat anggota wanita ABDB di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Lubnan. Kedua-dua anggota wanita ini, bertugas sebagai Senior Midwife di Pusat Perkhidmatan Kesihatan dan Perubatan, Jabatanarah Logistik. Negara Brunei Darussalam telah menyertai misi pengaman di bawah UNIFIL sejak tahun 2008.

SUMBER : land.mindef.gov.bn.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HARGAI PENGORBANAN ANGGOTA TENTERA NEGARA KITA